

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"REBUTLAH segala peluang yang ada dan pupuk sikap ingin memajukan diri, kerana segulung ijazah bukanlah penamat dari terus menimba ilmu, sebagaimana Islam melihat bahawa menuntut ilmu itu adalah kerja sepanjang hayat".
- Titah Sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-10 Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu : Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nahl, ayat 18.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 137

14 NOVEMBER 2020 / 1442 ربيع الأول 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bekerjasama membentuk rantau prihatin, bersedia dan makmur



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai para Pemimpin ASEAN bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, pagi tadi.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 kali ini bertemakan 'Cohesive and Responsive ASEAN'.

Pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah menekankan bahawa pemulihan ASEAN memerlukan pendekatan strategik dan holistik, untuk

membina semula Komuniti ASEAN yang berdaya tahan dan mantap.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan ASEAN perlu segera mendukung usaha-usaha ke arah pemulihan serantau iaitu, pertama, dengan mengutamakan kesejahteraan dan mata pencarian rakyat, termasuk dengan meningkatkan jaringan keselamatan serantau dan menangani isu-isu sosial seperti pengangguran dan kesihatan mental.

Kedua, Kebawah DYMM menekankan untuk meningkatkan kesiapsiagaan ASEAN dengan membangun kedayatanganan melalui meningkatkan kemampuan serantau untuk mengesan dan memberi tindak balas ke atas cabaran-cabaran yang baharu.

Baginda bertitah menyatakan yang ketiga ialah memastikan ekonomi serantau sentiasa terbuka dan bersedia untuk perniagaan agar ASEAN dengan cepatnya dapat pulih dan berkembang makmur.

Baginda mengalu-alukan penandatanganan Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) yang akan menandakan komitmen tegas ASEAN terhadap sistem perdagangan multilateral yang berdasarkan peraturan, terbuka dan inklusif.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



57 graduan cemerlang diraikan Muka 11



TANGANI Diabetes dengan amalan gaya hidup sihat Muka 26

Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Haji Mohd Yusree bin Haji Junaidi, dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Sabtu, 28 Rabiulawal 1442 bersamaan 14 November 2020.

STATISTIK TERKINI COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 13 NOVEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN 148

JUMLAH KEMATIAN 3

JUMLAH KES YANG SEMBUH 145

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

Bersikap lebih proaktif, bukan sebagai pemerhati



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-10 UNISSA pada Isnin, 23 Rabiulawal 1442 Hijrah bersamaan 9 November 2020 Masihi, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana mengizinkan kita dapat sama-sama berhimpun di Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-10, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada pagi ini.

Haflut Takharruj kali ini, sedikit berbeza dari tahun-tahun yang lalu. Adapun sebabnya, telah dimaklumi bersama.

Beta menyifatkan Majlis Haflut Takharruj UNISSA pada kali ini sangatlah bermakna dan bersejarah, kerana bertepatan dengan 10 tahun UNISSA mengeluarkan graduannya, Mushaf UNISSA tulisan tangan, buat julung kalinya, telah dijulang dan diarak sebagai mengepalai perarakan Haflut

Takharruj pada kali ini.

Beta gembira mengetahui, bahawa Mushaf UNISSA ini telah ditulis tangan dan direka bentuk sepenuhnya oleh anak tempatan. Ini adalah merupakan kejayaan sangat bermakna dan sekali gus menjulang syiar Islam di negara ini.

Beta ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Jawatankuasa Tertinggi Penulisan Mushaf UNISSA dan juga semua pihak yang terlibat dalam menjayakannya.

Dalam tempoh satu dekad Haflut Takharruj berlangsung, tidak dinafikan bahawa UNISSA telah meraih banyak kejayaan. Namun ia bukanlah 'titik noktah' untuk berhenti berusaha. Kerana

pendidikan, sifatnya bukanlah mati, tetapi dinamik dan progresif.

Keperluan pendidikan dalam satu dekad yang lalu adalah tidak sama dengan keperluan masa kini yang telah memasuki fasa digital. Dalam era digital, dunia pendidikan memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada sebelumnya.

Maka untuk itu, berasaskan Al-Quran Al-Karim selaku sumber ilmu, termasuk ilmu sains dan teknologi, maka beta dengan sukacita memperkenankan penubuhan Fakulti Teknologi Islam atau Faculty of Islamic Technology di UNISSA. Penerokaan baru oleh UNISSA ini adalah merupakan satu usaha proaktif bagi membongkar lebih banyak lagi khazanah keilmuan dari Al-Quran dan Al-Hadis. Beta berharap penubuhan fakulti baru ini akan mencetuskan penyelidikan yang bernilai tinggi.

Mengambil sukut hari yang baik ini, beta tidak lupa mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing di UNISSA. Beta berharap para graduan akan bersikap lebih proaktif dan tidak cuma menjadi pemerhati.

Rebutlah segala peluang yang ada dan pupuk sikap ingin memajukan diri, kerana segulung ijazah bukanlah penamat dari terus menimba ilmu, sebagaimana Islam melihat bahawa menuntut ilmu itu adalah kerja sepanjang hayat.

Akhirnya, beta juga tidak lupa untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang meliputi Ahli-ahli Majlis dan Senat, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka dalam menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-10 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

"BETA gembira mengetahui, bahawa Mushaf UNISSA ini telah ditulis tangan dan direka bentuk sepenuhnya oleh anak tempatan. Ini adalah merupakan kejayaan sangat bermakna dan sekali gus menjulang syiar Islam di negara ini".

Dari Sidang Pengarang.

14 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 ربيع الأول 28

PELIHARA AKIDAH DARIPADA ROSAK, TERPESONG

SETIAP orang Islam adalah penting untuk mengetahui perkara dan perbuatan yang boleh merosakkan akidah. Antara perkara atau perbuatan yang boleh merosakkan akidah yang dimaksudkan ialah perbuatan syirik.

Syirik bermaksud menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala dengan sesuatu yang lain. Syirik boleh terjadi dengan berbagai-bagai cara, sama ada ia dilakukan secara sengaja atau secara tidak disedari dan tidak disengajakan. Menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala jelas dianggap sebagai suatu perbuatan syirik yang bercanggah dengan ajaran agama, apatah lagi perbuatan sesetengah orang mengaku dirinya sebagai Tuhan.

Perbuatan syirik adalah maksiat yang paling besar dan seburuk-buruk dosa dalam Islam. Allah Subhanahu Wata'ala banyak memperingatkan dengan jelas tentang bahaya dan risiko perbuatan syirik di dalam Al-Quran. Antaranya dosa syirik adalah dosa yang tidak diampuni oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsimnya: *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik (mempersekutukan-Nya dengan sesuatu) dan Dia akan mengampunkan segala dosa yang lain daripada (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan sesiapa yang persekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain) maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar".* (Surah an-Nisa' : 48)

Selain itu, syirik juga boleh terjadi dengan pelbagai cara termasuklah dalam permainan. Unsur-unsur syirik dalam permainan (sama ada permainan itu dimainkan dalam bentuk fizikal atau dalam bentuk elektronik) boleh terjadi jika terdapat perbuatan yang membawa lakunya kepada syirik seperti pemujaan roh atau jin, sujud kepada berhala, penggunaan lambang cross atau salib dan sebagainya.

Permainan yang mempunyai unsur syirik itu hendaklah dijauhi bagi memelihara akidah daripada rosak dan terpesong. Antara contoh permainan yang berunsurkan syirik itu ialah permainan Spirit Of The Coins. Permainan ini adalah pemujaan yang melibatkan roh yang menggunakan syiling lama dan papan yang mengandungi huruf-huruf abjad dengan membacakan mantera-mantera tertentu. Dalam permainan tersebut, pemuja akan memanggil roh-roh orang mati dengan tujuan seperti untuk meminta bantuan daripada mereka, untuk mengenali siapa roh tersebut dan bertanyakan bagaimana jasad roh berkenaan mati dan juga hal-hal yang berkaitan dengan perkara-perkara ghaib.

Di samping itu, permainan yang terdapat padanya unsur kekufuran seperti sujud kepada makhluk. Permainan yang terdapat padanya kekufuran seperti menghendaki pemainnya untuk sujud kepada sesuatu makhluk adalah permainan yang jelas berunsur syirik. Ini kerana perbuatan sengaja yang menunjukkan kepada kekufuran seperti sujud kepada makhluk adalah perbuatan yang menyebabkan murtad.

Oleh itu, setiap orang Islam wajib menjauhi permainan-permainan yang terdapat padanya unsur-unsur syirik. Di samping itu, ibu bapa hendaklah sentiasa memantau anak-anak mereka dalam apa jua perkara yang mereka lakukan dan sentiasa peka terhadap permainan yang dimainkan oleh anak-anak mereka. - **Ketua Penyuntingan (Hs)**

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 26 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 26 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C	PEKAN TUTONG 32 25 °C
KUALA BELAIT 32 26 °C	KUALA BELAIT 32 26 °C	KUALA BELAIT 32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mec.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi NOVEMBER	HARI	Hijrah RABIULAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	28	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	AHAD	29	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	ISNIN	30	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.14
17	SELASA	1 RABIULAKHIR	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	RABU	2	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
19	KHAMIS	3	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15
20	JUMAAT	4	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.29	6.02	7.15

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDCM
2380214

Bekerjasama membentuk rantau prihatin, bersedia dan makmur



Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin
Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

Dari muka 1

Di samping itu, baginda juga mendukung kewujudan sistem perjalanan dua hala dan serantau bagi membolehkan pergerakan para profesional tanpa mendatangkan risiko terhadap kesihatan dan nyawa.

Pada masa yang sama, baginda menekankan bahawa ASEAN perlu bekerjasama dengan rakan-rakan kongsi untuk mengatasi cabaran masa hadapan secara kolektif dan memastikan sebuah Komuniti ASEAN yang dapat memberi lebih banyak peluang kepada rakyatnya.

Pada mengakhiri titah, baginda memberikan jaminan sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2021, Negara Brunei Darussalam akan bekerjasama dengan semua negara anggota ASEAN dan rakan-rakannya ke arah membentuk rantau yang prihatin, bersedia dan makmur.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin mendengarkan laporan daripada Director-General, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO), Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus mengenai situasi pandemik COVID-19 dan tindak balas antarabangsa mengenainya.

Diikuti dengan laporan daripada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi yang merangkumi perkembangan dan pencapaian ASEAN sepanjang tahun ini di bawah ketiga-tiga Tunggak Komuniti ASEAN; tindakan untuk memacu transformasi dan mendukung pemulihan termasuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tenaga manusia.

Sejurus itu, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Binh Minh selaku Pengerusi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 (atas). Manakala gambar bawah, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 semasa Ucapan Pembukaan pada Sidang Kemuncak tersebut.



ASEAN Coordinating Council juga menyampaikan laporan mengenai kemajuan ASEAN termasuk mempromosikan Identiti ASEAN dan pembangunan sub-serantau.

Pada akhir persidangan ini, para Pemimpin ASEAN meluluskan Kenyataan Bersama Pemimpin-Pemimpin ASEAN bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37; Ha Noi Declaration on

the ASEAN Community's Post-2025 Vision; ACC's Report on ASEAN 2020's Deliverables and COVID-19 Response Initiatives; ASEAN Strategic Framework for Public Health Emergencies; ASEAN Declaration on an ASEAN Travel Corridor Arrangement; Ha Noi Declaration on the Adoption of the Initiative for ASEAN Integration (IAI) Work

Plan IV (2021-2025); ASEAN Declaration on Digital Tourism; Narrative of ASEAN Identity; and Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community.

Disusuli dengan pelancaran Mid-term Reviews of the ASEAN Community Blueprints 2025, ASEAN Comprehensive Recovery Framework, dan ASEAN Regional Reserve of Medical Supplies.

Sebelum Sesi Plenari, satu Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan berlangsung awal pagi tadi bagi mengalu-alukan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, yang antara lainnya memaparkan persembahan kebudayaan dan lagu tema ASEAN, 'The ASEAN Way'.

Ini diikuti dengan Ucapan-ucapan Pembukaan daripada General Secretary of the Communist Party of Viet Nam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Phú Trọng; dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang

Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 yang memberi tumpuan kepada tindak balas berkesan terhadap cabaran-cabaran baharu ke arah perkembangan dan pemulihan ekonomi serantau, membentuk kedudukan yang sesuai dalam dunia pasca COVID-19, serta meningkatkan peranan ASEAN di peringkat antarabangsa.

Semasa Majlis Pembukaan berkenaan, sebuah video mengenai kemajuan ASEAN sepanjang tahun 2020 turut ditayangkan.

Pada majlis tersebut, ASEAN Studies Centre (ASC) of the Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) - Yusof Ishak Institute dari Republik Singapura juga diumumkan sebagai penerima ASEAN Prize 2020.

ASEAN Prize antara lainnya menghargai pencapaian-pencapaian para individu atau organisasi yang banyak memupuk Identiti ASEAN, mempromosikan semangat ASEAN, menerajui cara ASEAN dan telah menyumbangkan ke arah usaha-usaha pembangunan Komuniti ASEAN.



LAGU tema ASEAN, 'The ASEAN Way' dinyanyikan semasa Majlis Perasmian Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 berkenaan.

Realisasikan potensi penuh Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China



SIDANG Kemuncak ASEAN-China Ke-23 melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.



Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik sokongan Republik Rakyat China terhadap usaha membangun Komuniti ASEAN selama ini, termasuk usaha-usaha dalam menangani COVID-19.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sedemikian semasa berkenan menyertai para Pemimpin ASEAN dan Rakan-rakan

Dialog ASEAN bagi Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-23 melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, petang tadi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menghargai usaha-usaha China yang berkesan dalam menangani wabak di luar negara, yang telah mendatangkan hasil positif terhadap ekonomi serantau, termasuk pertumbuhan perdagangan dua hala antara ASEAN dan China yang berterusan di tengah keadaan ekonomi global yang merosot.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-23 kali ini, Kebawah DYMM turut menekankan untuk tujuan tersebut, usaha yang lebih gigih adalah digalakkan untuk memperluaskan lagi perdagangan dan merealisasikan potensi penuh Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-23 secara maya melalui persidangan video.

bagi memudahkan pemulihan ASEAN.

Baginda juga bertitah, tahun 2021 adalah signifikan kerana tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog ASEAN-China dan Hubungan Diplomatik Brunei-China, serta Ulang Tahun Centenary (Ulang Tahun Keseratus) penubuhan Parti Komunis China.

Baginda seterusnya menyambut baik peluang tahun hadapan untuk memperluaskan lagi persefahaman dan mengukuhkan kepercayaan serta keyakinan antara ASEAN dan China, yang akan meningkatkan lagi kerjasama dalam semua bidang ke tahap hubungan yang lebih tinggi.

Ke muka 6

Memberi tumpuan pembangunan ekonomi berdaya tahan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-23 secara maya melalui persidangan video (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah



ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik sokongan dan hubungan erat Jepun dengan ASEAN, di mana kedua-dua pihak terus giat bekerjasama dengan komitmen yang

diperbaharui walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghargai sumbangan Jepun untuk menubuhkan ASEAN Centre for Public Health

Emergencies and Emerging Diseases, di mana pusat tersebut akan meningkatkan lagi kesediaan serantau dalam menghadapi krisis kesihatan di masa akan datang.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak ASEAN-Republik Korea Ke-21 secara maya melalui persidangan video.



SIDANG Kemuncak ASEAN-Republik Korea Ke-21 melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghargai usaha persendirian Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in untuk terus memperkukuhkan hubungan ASEAN - Republik Korea (R.O.K.) termasuk melalui New Southern Policy-Plus serta sokongan padu R.O.K. kepada inisiatif-inisiatif ASEAN yang masih berjalan, iaitu mengenai langkah-langkah dalam membantu mengatasi wabak COVID-19.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sedemikian semasa berkenan menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN selaku Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN-R.O.K. pada Sidang Kemuncak ASEAN-Republik Korea Ke-21 melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyambut baik cadangan R.O.K. untuk mewujudkan Health Dialogue Channel yang akan mengukuhkan keupayaan kesihatan awam melalui pertukaran maklumat dan kepakaran, dan melengkapkan usaha menuju pemulihan serantau.

Oleh itu, Kebawah DYMM mengalu-alukan peningkatan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-R.O.K. melalui usaha liberalisasi selanjutnya yang akan membawa lebih banyak faedah kepada orang ramai, membantu perniagaan dan memperkembangkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (M.S.M.E.).

Di sinilah jelas baginda, kepakaran R.O.K. dalam bidang e-Dagang, Artificial Intelligence dan teknologi 5G dapat membantu membina Komuniti ASEAN yang bersedia untuk masa hadapan.

Baginda juga mengalu-alukan lebih banyak biasiswa dan peluang latihan dari R.O.K. dalam pelbagai bidang, seperti inovasi urus tadbir, pembelajaran (e-Learning) dan teknologi pertanian yang dapat membina masyarakat yang berdaya tahan.

Baginda juga berpuas hati dengan usaha R.O.K. untuk meningkatkan kerjasama sub-serantau, termasuk bersama BIMP-EAGA melalui dana untuk projek bersama yang akan memudahkan pertumbuhan ekonomi serantau yang inklusif dan mampan.

Titah baginda, ASEAN terus menghargai sokongan R.O.K. terhadap ASEAN Centrality serta penyertaan aktif R.O.K. dalam proses-proses yang dipimpin oleh ASEAN.

Melihat ke hadapan, baginda menekankan kesediaan ASEAN untuk

bekerjasama dengan R.O.K. dalam usaha untuk memajukan keamanan dan keselamatan di rantau ini.

Terdahulu sebelum itu, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak tersebut antara lainnya menyatakan bahawa pemikiran ekonomi yang terbuka adalah merupakan kepentingan bersama ASEAN dan R.O.K.

Akibat pandemik COVID-19, R.O.K. dan ASEAN menekankan komitmen masing-masing untuk mengembangkan usaha-usaha dalam mengawal wabak penyakit, seperti melalui penyelidikan dan penghasilan vaksin, serta memudahkan cara pergerakan pekerja-pekerja berkemahiran melalui *travel corridor*.

Aspek tenaga manusia seperti *upskilling*

dan *reskilling* juga digariskan bagi membantu usaha-usaha sedemikian.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Presiden Republik Korea semasa Sidang Kemuncak ini mengalu-alukan pertukaran kerjasama yang berterusan antara ASEAN dan R.O.K. bagi mengatasi pandemik, dengan matlamat untuk lebih bersedia dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu.

R.O.K. akan berkongsi kepakaran dalam menangani penularan pandemik dari segi peralatan fizikal serta sumbangan dana. R.O.K. berharap untuk menerajui era pasca COVID-19 ke arah membina sebuah komuniti yang berpaksikan masyarakat.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin juga menyentuh mengenai perkongsian strategik antara ASEAN dan R.O.K. yang terus berkembang walaupun berhadapan dengan cabaran akibat COVID-19; pemulihan



Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

ekonomi melalui integrasi ekonomi dan kepentingan untuk meningkatkan kemahiran tenaga manusia, antaranya, dalam meningkatkan peluang-peluang perniagaan dan pelaburan; serta infrastruktur hijau.

Memberi tumpuan pembangunan ekonomi berdaya tahan

Dari muka 4

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah sedemikian semasa berkenan menyertai para Pemimpin ASEAN dan Rakan-rakan Dialog ASEAN bagi Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-23 melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-23 ini, Kebawah DYMM juga menggalakkan ASEAN dan Jepun untuk memberi tumpuan terhadap pembangunan ekonomi yang lebih berdaya tahan dengan memastikan rakyat dapat menyesuaikan diri kepada perubahan yang dibawa oleh Revolusi Industri Keempat.

Dengan mengambil kira kepakaran Jepun dalam teknologi dan inovasi, baginda mengalu-alukan kerjasama dalam pelbagai bidang, seperti automasi dan teknologi digital yang akan membantu membangun tenaga kerja yang berkemahiran dan bersedia untuk masa hadapan.

Dalam menekankan kepentingan untuk mengukuhkan lagi kepercayaan dan kesefahaman agar ASEAN dan Jepun dapat mengatasi cabaran yang kompleks dengan lebih baik dalam landskap geo-politik yang sentiasa berubah, baginda menghargai sokongan berterusan Jepun terhadap ASEAN Centrality dan proses-proses yang dipimpin oleh ASEAN.

Terdahulu sebelum itu, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak tersebut menyentuh mengenai keperluan ASEAN-Jepun untuk memperluaskan kerjasama sepadu, termasuk menangani kesan COVID-19.

Selain itu, aktiviti-aktiviti bersama telah diadakan yang menunjukkan rapatnya kerjasama antara ASEAN dan Jepun.

Sementara itu, Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Yoshihide Suga, semasa Sidang Kemuncak ini antara lainnya menyatakan bahawa Jepun akan terus bekerjasama dengan ASEAN untuk mencapai rantau Indo-Pasifik yang bebas, terbuka dan lebih makmur.

Jepun bersedia untuk membina kedayatahan ekonomi

dalam rantaian bekalan dan memajukan penggunaan teknologi digital.

Bersama dengan prinsip-prinsip utama, kerjasama seperti Kerjasama Maritim, mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kesalinghubungan dan alam sekitar, TYT Yoshihide Suga juga menyentuh tentang sokongan Jepun terhadap inisiatif-inisiatif ASEAN ke arah memenuhi Perjanjian Paris.

Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam selaku Negara Penyelaras hubungan dialog ASEAN-Jepun, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN yang mengalu-alukan sumbangan Jepun terhadap usaha bersama serantau bagi rangka-rangka kerja yang dipimpin oleh ASEAN ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan.

Akses yang mampan bagi perdagangan dan pelaburan adalah digalakkan, termasuk komitmen berterusan terhadap perdagangan *multilateral*.

Dalam menangani impak COVID-19, ASEAN berharap kepada sokongan aktif Jepun dalam meningkatkan kapasiti kesihatan serantau serta sistem kesihatan awam.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin juga menyentuh tentang sokongan Jepun terhadap pemulihan dan pembangunan serantau, termasuk menangani krisis kesihatan akan datang; mengalu-alukan sokongan Jepun untuk meningkatkan lagi kapasiti produktiviti dan perdagangan, serta membangun infrastruktur digital; mewujudkan kolaborasi di antara pihak industri dengan pihak akademik ASEAN dan Jepun; dan terus memberi keutamaan kepada pertukaran antara masyarakat.

Pada akhir persidangan ini, para Pemimpin ASEAN dan Jepun sama-sama menyaksikan pelancaran ASEAN Regional Center on Public Health Emergencies and Emerging Diseases, di mana Jepun telah menyumbang 50 juta USD, melalui Japan-ASEAN Integration Fund (JAIF) bagi membantu penubuhan pusat ini, yang akan terus mendukung keupayaan dan usaha ASEAN dalam menghadapi ancaman darurat kesihatan awam di rantau ini.

Tingkatkan pembangunan kapasiti untuk peniaga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-17 secara maya melalui persidangan video.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyambut baik kepentingan Perkongsian Strategik ASEAN-India dan mengetengahkan pentingnya sokongan berterusan India kepada ASEAN Centrality dan proses-proses yang dipimpin oleh ASEAN, serta sumbangan India's Act East Policy ke arah memajukan keamanan, kestabilan dan kefahaman bersama di rantau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sedemikian semasa berkenan menyertai para Pemimpin ASEAN dan Perdana Menteri Republik India bagi Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-17 secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, malam tadi.

Pada Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah menyatakan, dalam tempoh yang mencabar ini, hubungan kukuh antara ASEAN dan India boleh dijadikan asas untuk terus bekerjasama rapat, termasuk dalam bidang pendidikan, belia dan pertukaran budaya.

Dalam hal ini, Kebawah DYMM



SIDANG Kemuncak ASEAN-India Ke-17 secara maya melalui persidangan video dari Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

menggalakkan tumpuan kepada inisiatif-inisiatif yang dapat memanfaatkan kehidupan rakyat, seperti melalui meningkatkan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India bagi memastikan akses pasaran yang luas dan mempermudah perdagangan untuk perniagaan.

Sehubungan ini, baginda mencadangkan lebih banyak pembangunan kapasiti untuk para ahli peniaga, agar mereka dapat menyesuaikan diri kepada ekonomi digital.

Terdahulu sebelum itu, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak tersebut antara lainnya menyatakan bahawa pertalian kukuh antara ASEAN dan India yang dibentuk melalui perdagangan dan perhubungan telah menyumbang kepada penyertaan aktif India dalam semua sektor ASEAN.

Di samping itu, ia juga menghasilkan potensi pasaran yang luas dan pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan.

TYT Pengerusi ASEAN juga

mengalu-alukan India Look East Policy dan berharap agar hubungan ASEAN-India akan dapat dimajukan dalam semua sektor.

Sementara itu, Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Narendra Modi semasa Sidang Kemuncak ini antara lainnya menekankan bahawa ASEAN sentiasa berada dalam keutamaan India's Act East Policy.

TYT Narendra Modi juga mengongsikan bahawa terdapat persamaan antara Indo-Pacific Ocean Initiative dan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific.

Selanjutnya, keutamaan India adalah bagi meningkatkan kesalinghubungan fizikal, ekonomi, sosial, digital, kewangan dan maritim.

Kenyataan Bersama ASEAN yang disampaikan oleh Perdana Menteri Kerajaan Thailand, selaku Negara Penyelaras hubungan dialog ASEAN-India, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-o-cha, merujuk kepada penekanan ASEAN kepada kepentingan keselamatan kesihatan khususnya penyelidikan saintifik dan penghasilan ubat dan vaksin antiviral, yang seharusnya menjadi *global public good*.

ASEAN juga menggariskan tentang keperluan untuk membina persekitaran



bagi kesalingpercayaan bersama yang kondusif terhadap pemulihan pasca pandemik dengan menerokai ASEAN Outlook on the Indo-Pacific dan Indo-Pacific Ocean Initiative, serta memanfaatkan ASEAN-India Free Trade Agreement.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin juga menyentuh mengenai kerjasama bersama dalam menangani kesan COVID-19 dan untuk memudah cara penghantaran bekalan secara saksama; menegakkan prinsip-prinsip sistem perdagangan *multilateral* yang berdasarkan peraturan untuk meningkatkan perdagangan dua hala di rantau ini, memajukan pemulihan ekonomi, dan memelihara rantaian bekalan; menghargai sokongan India di bawah sektor kesalinghubungan dan mengembangkan kesalinghubungan secara fizikal dan digital; mengeratkan jurang pembangunan; serta memupuk hubungan kebudayaan berasaskan sejarah lama ASEAN dan India.

Realisasikan potensi penuh Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China

Dari muka 4

Terdahulu sebelum itu, Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc, selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020 semasa menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak tersebut antara lainnya mengambil maklum bahawa tahun 2020 adalah tahun yang membawa banyak cabaran penting dan menyeru kerjasama daripada semua rakan antarabangsa untuk mengatasinya. Walaupun sedemikian, ASEAN dan China mampu mengekalkan kerjasama ke arah pemulihan yang kohesif

dan responsif.

Sementara itu, Premier of the State Council of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang dalam ucapannya memberi penekanan terhadap China sebagai rakan perdagangan ASEAN yang utama dan seterusnya menggariskan komitmen China dan ASEAN untuk melaksanakan pembangunan dan mempromosikan kerjasama yang mempunyai faedah bersama di Asia Timur ke arah kemajuan dan pembangunan global.

Presiden Republik Filipina selaku

Negara Penyelaras hubungan dialog ASEAN-China, Tuan Yang Terutama Rodrigo Duterte menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN yang menunjukkan sokongan padu China terhadap pembangunan serantau ASEAN, termasuk perpaduan dan ASEAN Centrality; serta kepentingan kerjasama bagi pembahagian vaksin, diagnostik dan perubatan secara saksama.

TYT Rodrigo Duterte menyeru untuk meneruskan dialog dan penyelarasan terhadap keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini, serta

menggariskan komitmen terhadap sistem *multilateral* yang berdasarkan peraturan ke arah meningkatkan perdagangan dan pelaburan.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin juga menyentuh mengenai kepentingan ekonomi digital terhadap kedayatahan serantau, perdagangan dan pelaburan; serta mengalu-alukan tahun 2021 sebagai ASEAN-China Year of Sustainable Development Cooperation untuk bekerjasama dalam bidang-bidang utama ke arah pembangunan yang mampan.

Terima ucapan sembah tahniah

Oleh : Dk. Nasibahanim
Pg. Haji Bakar
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan Isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Mengadap tersebut adalah bersempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

Pada Majlis Mengadap tersebut, para Ketua Perwakilan Asing Wanita dan para isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan sembah tahniah ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan Isteri-isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam pada Majlis Mengadap berkenaan.

Lawatan ke Bazar Mawlid Fest



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat sama menyertai aktiviti Mari Bercerita dan menyaksikan pameran yang diadakan di Bazar Mawlid Fest berkenaan (atas dan atas kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 13 November. - Seramai 30 orang murid dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) bersama lima guru pengawas membuat lawatan ke bazar Mawlid Fest yang berlangsung di Airport Mall, di sini, hari ini.

Turut berangkat sama dalam rombongan tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Semasa lawatan tersebut, murid-murid berpeluang untuk menyertai salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh penganjur iaitu Mari Bercerita.

Aktiviti Mari Bercerita disampaikan oleh Dayang Nuthuwaina binti Mahmud dan



diadakan di dalam Khemah Bedouin di mana Dayang Nuthuwaina menceritakan mengenai keperibadian Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sirah kehidupan Baginda dan kisah-kisah para sahabat bersama Baginda.

Selain itu, beberapa orang murid juga mengikuti Bengkel Seni Tulisan Khat bagi sama-sama menyerikan lagi penganjuran acara tersebut.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia bersama rombongan adalah untuk melihat sendiri bazar Mawlid Fest yang diusahakan oleh Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Sparks Co. Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat Event Management tempatan dan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1442 Hijrah.

Majlis Istiadat Membuka Naubat



MAJLIS Istiadat Membuka Naubat, berikutan kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berlangsung di hadapan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kiri). Sementara gambar kanan, majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Naubat kini sempurna dibuka semula, berikutan kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, pada Sabtu, 24 Oktober lalu.

Majlis Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau, di sini, di hadapan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan tahlil, dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sementara Doa Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Berikutan kemangkatan Al-Marhum DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Naubat ditutup selama 20 hari.

Berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pedalaman juga para jempunan.


Al-Marhum DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim diputerakan, pada Khamis, 8 Syawal 1402 Hijrah bersamaan 29 Julai 1982 Masihi, jam 1.30 pagi dan mangkat pada Sabtu, 7 Rabiulawal 1442H bersamaan 24 Oktober 2020M, jam 10.08 pagi,

dalam usia 38 tahun.

Semasa hayatnya, Al-Marhum DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.); Pingat Kehormatan, iaitu Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S.); dan Pingat Jubli Emas (Emas).

Al-Marhum DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim juga dikenali sebagai seorang putera yang berbudi pekerti dan bergiat aktif dalam pelbagai amal kebajikan, seperti kesenian, kebeliaan dan kesejahteraan, khususnya dalam sama-sama membantu golongan kelainan upaya dan autisme.

Jenazah Al-Marhum DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim disemadikan di Kubah Makam Diraja.



DOA Tahlil dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

COVID-19 : 367 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Negara Brunei Darussalam, alhamdulillah tidak mencatatkan kes baharu setakat 12.00 tengah hari ini

menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal kepada 148 orang.

Kementerian Kesihatan melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	148		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	145

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (191 hari yang lalu)	7 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
367	7,883

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
420 sampel	72,550

Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai bahawa tidak ada kes aktif menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan jumlah kes yang sembuh masih kekal seramai 145 orang.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga mengongsikan bahawa seramai 367 sedang menjalani pengasingan diri mandatori ketika ini, manakala seramai 7,883 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Menurut pihak Kementerian Kesihatan juga bahawa setakat ini, Negara Brunei Darussalam mencatatkan 191 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lepas.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak tujuh kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Selain itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 420 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 72,550 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan

iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

PANDUAN UNTUK

MAKANAN DIPAMERKAN SECARA TERBUKA

Seperti 'Salad bars', bahan segar & produk roti



- Sentiasa membersihkan & menyah-kuman** semua permukaan & peralatan.
- Menyediakan sanitiser tangan** untuk pelanggan yang keluar & masuk dari premis makanan.
- Produk-produk yang dipamerkan secara layan-sendiri & terbuka hendaklah disimpan didalam pembungkus plastik, clingwrap atau kertas.
- Penyepit makanan yang bersih mestilah digunakan oleh pelanggan yang ingin mengambil makanan dari kabinet pameran plexiglass.

Talian Nasihat Kesihatan 148 | www.moh.gov.bn

Rombongan SR YSHHB kunjungi Mawlid Fest

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Istimewanya Mawlid Fest 1442H adalah pelaksanaan etika perniagaan Islamik yang akan dipraktikkan sepanjang acara, iaitu antaranya ialah pembacaan doa dan tazkirah perniagaan yang diadakan setiap hari sebelum mulanya acara; laungan Azan secara langsung setiap masuk waktu sembahyang; memastikan aktiviti perniagaan

berhenti sebentar bagi menghormati laungan Azan; dan sebutan akad jual beli antara peniaga dan pelanggan dan sebagainya yang pasti menyerlahkan keunikan bazar berkenaan.

Setentunya bazar tersebut sebagai wadah pendidikan kepada orang awam tentang kepentingan ajaran Islam dan menghayati serta mengenali Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam dengan menikmati keindahan suasana Timur Tengah sesuai dengan suasana menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bagi menikmati suasana tersebut, rombongan yang terdiri daripada 25 murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersama lima guru pengawas berkunjung ke

Mawlid Fest di Airport Mall, di sini, pagi tadi.

Berangkat sama menyertai rombongan tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Murid-murid juga berpeluang menyertai aktiviti Mari Bercerita yang diadakan di dalam Khemah Bedouin dengan menceritakan mengenai keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sirah kehidupan Baginda dan kisah-kisah para sahabat bersama Baginda yang disampaikan oleh Siti Hurul-Ain Diyana binti Haji Abdul Majid @ Vieana.

Setelah itu, Yang Amat Mulia dan rakan-rakannya juga berpeluang mengikuti Bengkel Seni Tulisan Khat dan kemudiannya menyaksikan petak-petak pameran dan jualan di bazar berkenaan.

Mawlid Fest 1442H merupakan anjuran secara kolaborasi Pusat Da'wah (PDI) Islamiah dan Sparks Co. Sdn. Bhd. yang juga diserikan lagi dengan penyertaan usahawan-usahawan tanah air merangkumi Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (MSME), terdiri daripada pelbagai latar, termasuk ibu-ibu tunggal dan para mualaf.

Antara aktiviti yang diadakan ialah aktiviti-aktiviti keagamaan yang berbentuk pendidikan dan seni persembahan Islam, pameran-pameran dari PDI dan banyak lagi aktiviti menarik sepanjang acara yang akan berakhir 15 November ini.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil berangkat bagi menyertai aktiviti Mari bercerita yang disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (kiri). Manakala gambar kanan, Yang Amat Mulia juga menyertai aktiviti Bengkel Seni Tulisan Khat pada Mawlid Fest berkenaan.

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Festival Maulid atau Mawlid Fest memberi peluang kepada para pengunjung untuk menikmati suasana autentik seperti di negeri Arab sebaik sahaja melewati pasar berinspirasi dari Timur Tengah dikenali sebagai 'Souq' dan bersantai-santai sekitar Oasis dengan haruman Oud Arab sepanjang kawasan bazar.

Festival yang dikendalikan secara kolaborasi itu disempurnakan perasmian hari ini di Airport Mall, oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, Mawlid Fest 1442H adalah untuk menyemarakkan dan menghidupkan lagi Rabiulawal, iaitu bulan kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai satu saluran dakwah melalui aktiviti-aktiviti keagamaan sepanjang empat hari berlangsung bermula hari ini.

Awang Haji Abdul Rajid menjelaskan, festival kali ini juga memberi peluang kepada vendor-vendor yang terdiri daripada lapan vendor



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md. Salleh dalam ucapan alu-aluannya.

Mawlid Fest diinspirasi dalam suasana negeri Arab



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan Festival Maulid atau Mawlid Fest 1442H di Airport Mall, Berakas (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat menyerahkan cek bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim kepada Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Mualafpreneurs yang berkecimpung dalam perniagaan kecil di bawah kendalian Bahagian Pembangunan Mualaf.

"Peranan para belia juga diketengahkan melalui penglibatan belia mengingati waktu sembahyang dengan melaukan Azan secara live, di mana setiap kali Azan dilaungkan, petak-petak jualan akan ditutup sementara bagi memberi ruang untuk bersembahyang pada waktunya," tambahnya.

Sementara itu, Pegawai Eksekutif Sparks Co. Sdn. Bhd. dalam ucapannya juga berkata, dalam usaha dakwah menegakkan syiar Islam, kita hendaklah bersedia menyumbangkan bakti dari segi fikiran, tenaga, dan kewangan sebagaimana dapat kita imbas perjuangan Saidatina Khadijah binti Khuwailid, isteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sanggup mengorbankan hartanya serta memberi semangat kepada Baginda ketika suka dan duka, demi mendukung dakwah Islam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Semangat Saidatina Khadijah inilah, tegasnya, perlu diserapkan

dalam jiwa nurani kita demi menyemarakkan lagi pelbagai usaha dakwah agama Islam.

"Kejayaan acara ini adalah sebagai titik permulaan untuk Sparks Co. menganjurkan lagi lebih banyak acara-acara berunsurkan keagamaan di masa akan datang. Di antaranya, dalam perancangan adalah ekspo halal, pameran haji dan umrah, bazar Ramadan dan sebagainya, dengan melibatkan kerjasama daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

"Diharapkan pada masa hadapan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti, projek atau acara yang melibatkan kerjasama antara sektor kerajaan dan sektor swasta, dalam hasrat membawa kemaslahatan kepada masyarakat sama ada dari segi pengetahuan, pendidikan, kebudayaan, ekonomi, keagamaan, kesihatan dan seluruh aspek kebaikan untuk warga dan penduduk Brunei Darussalam," tambahnya lagi.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyerahkan cek bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim kepada

Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Pelbagai aktiviti interaktif dan pameran-pameran yang diselenggarakan oleh PDI, antaranya pameran barangan dan bahan-bahan terbitan yang didapati menyalahi atau bercanggah dengan agama Islam, dari Bahagian Penapisan Dan Pameran, PDI.

Selain itu, orang ramai juga dialu-alukan untuk ikut serta, antaranya Bengkel Kaligrafi Seni Khat; Sesi Mari Bercerita tentang peribadi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam; sirah kehidupan Baginda; serta para pejuang bersama Baginda dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, yang disampaikan oleh Da'ie bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) serta pertandingan Qasidah juga akan diadakan dengan bertemakan 'Cinta Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Seramai 36 usahawan yang turut menyertai bazar Mawlid

Fest terdiri daripada usahawan-usahawan tempatan, usahawan dari program Konsortium Mualafpreneur di bawah Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf), PDI, dengan menentang produk jualan, seperti kraf tangan tradisional dan moden serta pelbagai produk makanan dan minuman.

Setentunya, kunjungan orang ramai adalah sangat diharapkan dapat memeriahkan lagi bazar itu yang berlangsung selama empat hari sehingga 15 November ini, bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, kecuali Jumaat, dibukakan pada jam 2.00 petang hingga 10.00 malam.

Namun dalam pada itu, kita juga harus mematuhi peraturan dan garis panduan pihak berwajib dalam sama-sama kita membendung penularan pandemik COVID-19 di negara ini.

Juga hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Setiausaha Tetap KHEU; Tuan Yang Terutama Duta-duta Besar dan Perwakilan-perwakilan Luar Negara; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Diabetes beri impak besar terhadap ekonomi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 November. - Jumlah pesakit yang menghidap penyakit Diabetes semakin meningkat di seluruh dunia.

Menurut data yang diperolehi daripada Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation), seramai 463 juta orang dewasa (bersamaan dengan satu dalam 11 orang dewasa) menghidap penyakit Diabetes pada tahun 2019 dan jumlah ini dijangka akan meningkat sehingga mencecah kepada 578 juta menjelang tahun 2030.

Walau bagaimanapun, seorang dalam dua orang dewasa, iaitu kira-kira seramai 232 juta orang tidak mengetahui yang mereka menghidap penyakit Diabetes.

Dalam kalangan mereka yang menghidap Diabetes pula, kebanyakannya adalah terdiri daripada mereka yang menghidap Diabetes Jenis 2, iaitu Diabetes Mellitus.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2020.

Penyakit Diabetes tegas Yang Berhormat, sememangnya memberi impak yang besar terhadap ekonomi disebabkan oleh peningkatan beban penjagaan kesihatan dan kehilangan produktiviti.

Diabetes juga jelasnya menyebabkan kematian sebanyak 4.2 juta pada tahun 2019 dan kos rawatan penyakit Diabetes mencecah sehingga BND760 juta pada tahun 2019, iaitu bersamaan

dengan 10 peratus jumlah keseluruhan perbelanjaan penjagaan kesihatan di peringkat global.

Yang Berhormat mengongsikan hasil Kaji selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan Negara Brunei Darussalam (NHANSS) 2009 - 2011 mendapati sebanyak 12.4 peratus penduduk di negara ini menghidap penyakit Diabetes Mellitus.

Manakala, Kaji selidik STEPS-wise Kebangsaan 2015 - 2016 pula mendapati sebanyak 9.7 peratus orang dewasa berumur 18 - 67 tahun mempunyai tahap gula dalam darah yang tinggi. Penyakit Diabetes merupakan penyakit tidak berjangkit yang utama di seluruh dunia, walaupun terdapat kemajuan dalam perubatan dan ia adalah merupakan punca kematian ketiga tertinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Yang Berhormat menekankan kepentingan mengekalkan pengawalan gula yang baik adalah amat penting bagi pesakit Diabetes dalam membantu mengurangkan dan mengelakkan komplikasi jangka panjang, seperti masalah jantung, kegagalan buah pinggang, amputasi dan sebagainya.

Pesakit Diabetes katanya, termasuk penjaga dan masyarakat perlu bekerjasama dengan profesional kesihatan dalam memastikan pesakit menerima penjagaan yang holistik.

Mereka menurutnya perlu diberi pengetahuan mengenai pencegahan, pengurusan yang efektif dan cara-cara untuk memperoleh sumber maklumat klinikal kerana pendidikan mengenai pengurusan diri berkaitan Diabetes merupakan

komponen asas yang sangat penting dalam pencegahan Diabetes dan seharusnya mudah diakses dan diperolehi orang ramai.

"Sambutan Hari Diabetes Sedunia telah mula disambut sejak tahun 1991 oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai salah satu respons terhadap peningkatan ancaman terhadap kesihatan oleh penyakit Diabetes.

"Sambutan ini diraikan pada 14 November setiap tahun dan tema bagi sambutan pada tahun 2020 adalah 'Diabetes: Jururawat Boleh Membuat Perubahan' bagi menengahkan kepentingan peranan jururawat dalam menyokong pesakit Diabetes," jelas Yang Berhormat.

Menurutnya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa jururawat merangkumi 59 peratus profesional kesihatan dan jumlah tenaga kerja jururawat di seluruh dunia adalah seramai 27.9 juta, di mana 19.3 juta adalah terdiri daripada jururawat yang profesional.

Jelas Yang Berhormat, di NBD, menurut statistik dari Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019, sejumlah 2,507 orang jururawat daripada pelbagai bidang sedang berkhidmat dengan sektor kerajaan dan swasta.

Mereka, tegas Yang Berhormat, menjalankan tanggungjawab yang luar biasa di pelbagai bidang kepakaran kesihatan dan perubatan dalam menyokong kehidupan masyarakat dan pada tahun ini, peranan jururawat lebih terserlah dan diketengahkan sebagai barisan hadapan semasa pandemik COVID-19.

Dengan peningkatan jumlah pesakit Diabetes dari setahun

ke setahun, Yang Berhormat menekankan, peranan jururawat dan ahli profesional kesihatan lain menjadi semakin penting dalam membantu dan mengurus impak Diabetes.

Jururawat jelasnya merupakan di antara profesional kesihatan yang pertama dijumpai dan dipercayai serta lebih kerap berinteraksi bersama pesakit dan ahli keluarga.

Oleh yang demikian, tekan Yang Berhormat, adalah sangat penting bagi setiap jururawat untuk memberikan perkhidmatan penilaian, penjagaan dan rawatan yang berkualiti kepada pesakit.

Yang Berhormat menyatakan selaras dengan saranan Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation) bagi pihak kerajaan dan agensi kesihatan untuk mengenal pasti kepentingan melabur di dalam pendidikan dan latihan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan latihan pendidikan Diabetes bagi para jururawat sejak akhir tahun 90-an.

Latihan ini kata Yang Berhormat, bertujuan untuk melatih jururawat yang bertauliah untuk mengambil peranan sebagai Jururawat Pendidikan Diabetes (Diabetes Nurse Educators, DNEs).

DNEs tambah Yang Berhormat, merupakan jururawat yang dilatih khusus dalam memberikan penjagaan Diabetes yang komprehensif, di samping memenuhi keperluan fizikal dan psikososial pesakit.

Yang Berhormat memaklumkan Kementerian Kesihatan telah melantik seramai 19 orang jururawat DNEs yang sedang berkhidmat di hospital dan pusat-pusat kesihatan kerajaan di seluruh negara.

"Peranan utama jururawat DNEs adalah untuk meningkatkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam Perutusan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2020.

kesedaran dan pengetahuan berkaitan Diabetes dalam kalangan pesakit Diabetes dan penjaga serta menggalakkan dan memperbaiki kemampuan pesakit, kemahiran dan kompetensi mereka dalam mengurus dan mengawal penyakit Diabetes, di samping memberikan kaunseling individu.

"Untuk mempertingkatkan lagi latihan Diabetes di negara ini, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Sekolah Sains Kesihatan, Politeknik Brunei akan memulakan kursus Level 5 Diploma Sains Kesihatan bagi Jururawat Pendidikan Diabetes pada bulan Januari 2021 nanti," kata Yang Berhormat.

Kursus tersebut kata Yang Berhormat, bertujuan untuk memudah cara dan menambah baik perkembangan jururawat bertauliah dengan memberikan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sebagai jururawat pendidikan Diabetes di hospital dan pusat-pusat kesihatan.

Ke muka 15

Usaha bersepadu kembangkan sektor swasta



Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Usaha bersepadu akan terus diambil oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan untuk menyokong pertumbuhan dan inovasi dalam sektor swasta, terutama bagi Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), dan untuk melindungi pekerjaan di sektor swasta, terutama semasa berlakunya keadaan krisis.

Perkara tersebut dinyatakan oleh

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Pelancaran MSME Showcase yang berlangsung di One Riverside Plaza 2, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berharap dengan kerja keras kolektif yang telah dilihat, ditambah dengan tenaga positif dan peningkatan kualiti produk

dapat menjadi petunjuk ke depan kepada Negara Brunei Darussalam untuk terus mengembangkan sektor swasta, mendorong pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Saranan Yang Berhormat agar para peserta MSME yang mengambil bahagian untuk memanfaatkan acara tersebut, mendapatkan maklum balas daripada orang ramai sebanyak mungkin, dan mendapatkan pelbagai bantuan serta perkhidmatan yang tersedia di pasaran semasa agar mereka dapat terus mengembangkan perniagaan mereka.

Terdahulu, Yang Berhormat berkata, pengalaman-pengalaman mencabar yang dihadapi tahun ini memberi peluang untuk menilai semula keutamaan dan tujuan mereka, bagi memastikan mereka sentiasa berada di arah yang betul, menyesuaikan diri dengan trend yang selalu berubah di industri masing-masing dan menjadi lebih inovatif dengan pengembangan dan penjualan produk, di mana kesemua ini menjadi ciri-ciri penting pada era ini kerana memaksimumkan penggunaan teknologi adalah norma baharu.

MSME Showcase merupakan acara yang diadakan buat julung kali sebagai rangkaian untuk meluaskan Sesi Jaringan Borneo Bulletin Yearbook (BBYB), dengan menyediakan platform untuk MSME mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Pameran yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 15 November 2020 itu disertai lebih 20 peserta terdiri daripada pengusaha mikro tempatan, start-ups, dan pengusaha-pengusaha di bawah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) SEEDS.

Projek berasaskan komuniti dilaksanakan melalui perkongsian antara syarikat tempatan terkemuka itu, bertujuan mendorong keusahawanan dan melibatkan MSME untuk belajar, meningkatkan proses dan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (tengah) semasa melancarkan Majlis Pelancaran MSME Showcase di One Riverside Plaza 2 (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat ketika berucap.

mempunyai wawasan lebih lanjut mengenai pengurusan kewangan.

Pameran tersebut juga akan memberi peluang kepada mentor dan para usahawan untuk mencari pelbagai jenis bantuan dan perkhidmatan yang terdapat di pasaran dalam usaha mereka untuk memulakan perniagaan yang berjaya.

Acara tersebut disokong oleh BIBD, Imagine, Darussalam Enterprise (DARE), One Riverside, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Brunei Press.

57 graduan cemerlang diraikan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (tiga, kiri) hadir pada Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafli Al-Takharruj Ke-10, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (dua, kiri); Yang Berhormat Peguam Negara (dua, kanan); Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan); dan Rektor UNISSA (tiga, kanan) (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat menyampaikan Hadiah Buku Universiti kepada salah seorang graduan.

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Kecemerlangan akademik tanpa dihiasi dengan kecemerlangan sahsiah adalah umpama jasad tanpa roh. Ilmu perlu dipelajari, difahami dan seterusnya diamalkan bagi melahirkan graduan serta pelajar yang soleh.

Banyak perumpamaan yang diutarakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai orang mukmin sebagai pengajaran dan peringatan bagi kita semua, antaranya orang mukmin itu seperti lebah kerana dia selalu memakan yang baik dan mengeluarkan yang baik.

Pengerusi Bersama Majlis, Penolong Rektor (Akademik), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya yakin penerima yang diraikan itu juga berusaha mengikut resmi lebah, bijak dalam melakukan penilaian dan pertimbangan yang setentunya berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Dalam masa yang sama, bijak dalam menghadapi orang sekeliling dengan mengongsikan dan mencurahkan ilmu serta bakti kepada mereka.

"Boleh dikatakan sahsiah, keperibadian dan akhlak yang mulia ini adalah jambatan untuk memperoleh keberkatan hidup di dunia dan keredaan Allah



PENGERUSI Bersama Majlis, Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya.

Subhanahu Wata'ala di dunia dan akhirat," katanya semasa Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafli Al-Takharruj Ke-10, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini yang berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, Jalan Residency, di sini.

Profesor Madya Dr. Siti Sara juga menjelaskan, majlis itu bukan sahaja sangat bermakna kepada penerima bahkan juga kepada ibu bapa/penjaga dan tenaga pengajar kerana kesungguhan, kegigihan dan kerja keras pelajar disertai dengan sokongan, bimbingan, tunjuk ajar, doa para ibu bapa dan tenaga pengajar terbukti berbaloi serta mendatangkan hasil yang menguntungkan, di mana UNISSA mengiktiraf kejayaan mereka menerusi penyampaian pingat dan hadiah yang diadakan itu.

"Kejayaan yang dicapai dan dikecapi ini bukanlah pengakhir bagi perjuangan kamu, bahkan ia merupakan titik permulaan kepada kejayaan - kejayaan mendatang yang lebih hebat. Dengan kejayaan ini, saya pasti graduan akan lebih gigih berusaha dan sentiasa bersedia dengan cabaran yang menanti di luar sana.

Bagi pelajar yang masih meneruskan pengajian mereka pula, sentiasalah memasang niat dan iltizam yang kuat untuk lebih menggandakan usaha pada masa akan datang," tambahnya lagi.

Hadir menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah buku ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

"KEJAYAAN yang dicapai dan dikecapi ini bukanlah pengakhir bagi perjuangan kamu, bahkan ia merupakan titik permulaan kepada kejayaan-kejayaan mendatang yang lebih hebat. Dengan kejayaan ini, saya pasti graduan akan lebih gigih berusaha dan sentiasa bersedia dengan cabaran yang menanti di luar sana".

Seramai 57 penerima pingat atau hadiah-hadiah buku universiti disampaikan pada majlis tersebut yang juga menyemarakkan lagi Hafli Al-Takharruj kali ini.

Pencapaian tahun ini amat memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya, di mana tahun ini graduan Kejujuran Kelas Pertama Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam, Awang Muhammad Fuad bin Matahir telah dianugerahkan Pingat Rektor dan memperoleh Hadiah Buku Universiti.

Manakala Pingat Universiti dianugerahkan kepada empat orang graduan yang memperoleh Kejujuran Kelas Pertama, iaitu Awang Ahmad Hassanul Fikri bin Haji Asmalee, Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Kewangan Islam; Dayangku Siti Nurkhairina binti Pengiran Metusin, Sarjana Muda Usuluddin, (Tafsir & Hadith); Dayang Syamimi Karmila binti Mohamad Ramlan; dan Dayang Nur Basirah binti Haji Rosmin, masing-masing lepasan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab.

Selain itu, seramai 12 penerima bagi Hadiah Buku Universiti bagi kategori graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang sangat cemerlang dalam setiap program di tahun akhir mereka.

Manakala seramai 31 penerima bagi Hadiah Buku Universiti bagi kategori pelajar yang cemerlang dalam program setiap tahun pengajian program ijazah selain tahun akhir, empat orang penerima Kursus Al-Quran Al-Karim (Aliran Arab); empat orang penerima Kursus Al-Quran Al-Karim (aliran Inggeris); dan seorang penerima Kursus Melayu Islam Beraja.

Majlis diteruskan dengan penyerahan sijil-sijil penghargaan kepada para penyumbang terdiri daripada pihak individu dan badan

korporat.

Sumbangan berkenaan sangat tinggi nilainya, terutama terhadap penerima-penerima pingat dan Hadiah Buku Universiti dalam usaha untuk memberikan galakan kepada para graduan dan mahasiswa dalam sama-sama mencapai pembangunan negara yang akan dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Peguam Negara, Yang Berhormat

Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arsad; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ahli-ahli Majlis UNISSA; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan -timbalan Setiausaha Tetap; dan Pegawai-pegawai Eksekutif dan Utama UNISSA.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37, 12 - 15 November

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Di tengah kebimbangan berleluasa dan langkah berjaga-jaga terhadap situasi pandemik wabak COVID-19 yang menimpa di seluruh dunia, para Pemimpin ASEAN akan mengadakan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37 dan Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan secara maya melalui beberapa persidangan video.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan


Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sidang-Sidang Kemuncak tersebut yang bakal diadakan pada 12 hingga 15 November 2020.

Sidang Kemuncak ASEAN yang membawakan tema 'Cohesive and Responsive ASEAN' akan

dipengerusikan oleh Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2020, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuân Phúc yang antara lainnya dijangka akan membincangkan agenda-agenda seperti keperluan ASEAN untuk memperkuatkan lagi perpaduan dan kerjasama bagi mengatasi cabaran COVID-19; mengukuhkan peranan ASEAN dalam memajukan kesalinghubungan ekonomi; meningkatkan kecekapan ASEAN dalam mempromosikan perkongsian - perkongsian masyarakat global; dan mengekalkan kerjasama ke arah mempertahankan keamanan dan kestabilan serantau serta antarabangsa.

Kali terakhir para Pemimpin ASEAN bertemu secara maya adalah semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 pada bulan Jun lalu. Selain Sidang Kemuncak ASEAN Ke-37, Sidang-Sidang Kemuncak Berkaitan juga akan diadakan bersama Rakan-Rakan Dialog ASEAN seperti Republik Rakyat China; Jepun; Republik India; Republik Korea; Amerika Syarikat; Australia; New Zealand; Persekutuan Rusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

10 tamatkan Latihan AgroBiz



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri) menyampaikan Sijil Tamat Latihan AgroBiz kepada penerima.

RIMBA, Rabu, 11 November. - Seramai 10 Pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Agro-Teknologi kohort pertama bagi Program AgroBiz berjaya menamatkan pengajian mereka setelah menjalani program selama 15 bulan, yang bermula pada bulan Julai 2019 hingga Oktober 2020.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Tamat Latihan AgroBiz berlangsung di The Garden's Veranda, Rimba Garden Central, di sini.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong hadir selaku tetamu

kehormat bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Sijil kepada para pelajar.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengurus Nilai Dalam Negara BSP dan Pengerusi LiveWIRE Brunei, Dayang Hajah Rosita binti Hassan menyatakan, para pelatih AgroBiz diberikan pendedahan latihan praktikal bertanam padi selama dua musim berturut-turut dan alhamdulillah berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai.

Kesemua pelatih katanya, menunjukkan semangat yang tinggi untuk berjaya, turun ke ladang awal padi sebelum naik matahari dan pulang lewat petang

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

semata-mata untuk memberikan hasil yang terbaik.

"Inilah jati diri pelatih muda yang kita idam-idamkan, yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal dan komersial pertanian, akan tetapi mempunyai kecekalan hati (*resilience*) dan daya kepimpinan (*leadership*) yang tinggi untuk sentiasa maju ke hadapan," tegasnya.

Tambahnya, seiring dengan beberapa kemajuan yang kita lihat dalam penanaman padi yang berjaya menghasilkan tuai yang tinggi (*yield*) dan berkualiti, pihak AgroBiz sentiasa mencari peluang bagi penambahbaikan yang difikirkan sesuai untuk diterapkan dalam sesi pembelajaran AgroBiz.

Program AgroBiz diusahakan atas sokongan Jabatan Pertanian dan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Darussalam Enterprise (DARE);

PaddyCo; Progresif Sdn. Bhd.; dan Community for Brunei, BSP menerusi LiveWIRE Brunei, iaitu Program Pelaburan Sosial Utama dan Keusahawanan BSP, yang menyediakan dana untuk menyokong Skim Usahawan Ladang Padi AgroBiz di bawah IBTE.

Program berkenaan bermatlamat untuk membekalkan usahawan-usahawan pertanian muda dengan ilmu pengetahuan teknikal, yang mencukupi dalam penanaman padi juga mengembangkan lagi kemahiran usahawan pertanian untuk membantu mereka memajukan ladang padi mereka sendiri dan memulakan perniagaan.

Program AgroBiz diungkuhkan oleh IBTE dan LiveWire Brunei menerusi Memorandum Persefahaman (MoU), dimeterai pada 23 Januari 2019, dengan harapan untuk menghidupkan semula program

"INILAH jati diri pelatih muda yang kita idam-idamkan, yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal dan komersial pertanian, akan tetapi mempunyai kecekalan hati (*resilience*) dan daya kepimpinan (*leadership*) yang tinggi untuk sentiasa maju ke hadapan," tegasnya.

peladang muda, khususnya dalam bidang penghasilan padi.

Pelajar yang menyertai program berkenaan telah memajukan ladang padi seluas 10 hektar dengan menggunakan jenis padi hasil tinggi juga mesin moden untuk meningkatkan hasil pengeluaran dan menjadikan produksi lebih efisien.

Program AgroBiz adalah projek kolaborasi di antara LiveWIRE Brunei bersama kerajaan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Pendidikan.

Syarikat BSP menerusi LiveWIRE Brunei, iaitu program pelaburan sosial dan keusahawanan utamanya, memperuntukkan dana untuk menyokong Skim Usahawan Petani Padi AgroBiz di bawah IBTE dalam membangunkan sebuah ekosistem yang menyediakan peluang bagi usahawan petani muda Brunei untuk berkembang dan melestarikan perniagaan mereka.



PENGURUS Nilai Dalam Negara BSP, dan Pengerusi LiveWIRE Brunei, Dayang Hajah Rosita binti Hassan semasa menyampaikan ucapan.

Taklimat Digital Economy Masterplan 2025

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



TAKLIMAT Digital Economy Masterplan 2025 disampaikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Ketua Smart Nation Office, MTIC, Pengiran Dr. Adrian bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman (kiri). Manakala gambar kanan, turut hadir mendengar taklimat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Taklimat Digital Economy Masterplan 2025 diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bagi pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan hal ehwal teknologi maklumat.

Taklimat tersebut antara lainnya bertujuan untuk mengongsikan dengan lebih lanjut lagi mengenai hala tuju dan fokus Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dan seterusnya mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation).

Seperti kenyataan dalam Siaran Akhbar Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bertarikh 4 Jun 2020, Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 ini bertujuan untuk mendukung objektif Wawasan Brunei 2035, iaitu kualiti kehidupan yang tinggi; negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran

tinggi dan berjaya; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan (*sustainable and dynamic economy*).

Dengan berpandukan Maqasid Syariah, Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 mempunyai objektif strategik seperti berikut, iaitu ekonomi yang *vibrant* dan berdaya tahan (*vibrant and sustainable economy*); masyarakat yang bersedia untuk masa depan digital (*digital and future ready society*); dan ekosistem yang kondusif secara digital (*digitally conducive ecosystem*).

Dengan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, Majlis Ekonomi

Digital akan memfokuskan kepada pelaksanaan projek-projek utama di bawah sembilan kluster yang dikenal pasti dan dijangka akan dapat menghasilkan impak signifikan ke atas pertumbuhan ekonomi dengan pelaksanaan transformasi digital.

Kluster-kluster berkenaan adalah seperti Logistik dan Pengangkutan; Tenaga; Sektor Perniagaan; Pelancongan; Perkhidmatan Kewangan; Kesihatan; Agrimakanan; Pendidikan dan Halal.

Taklimat disampaikan oleh Setiausaha Tetap, MTIC, Awang

Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof dan Ketua Smart Nation Office, MTIC, Pengiran Dr. Adrian bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut hadir mendengar taklimat tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



AER Brunei anjur Majlis Perhimpunan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - ASEAN Engineering Register (AER) Brunei mengadakan perhimpunan pada 10 November lalu. AER merupakan jurutera profesional, yang berdaftar di bawah ASEAN Federation of Engineering Organisations (AFEO) melalui Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei.

Objektif utama AER adalah untuk memudahkan pergerakan dan amalan profesional jurutera bersama ASEAN, untuk mempromosikan kepentingan profesional jurutera, budaya dan hubungan profesional di antara

anggota profesion kejuruteraan di ASEAN.

AER Brunei mempunyai lebih daripada 50 Jurutera Profesional, di mana pendaftaran dibuat melalui PUJA Brunei. AER Brunei diketuai oleh Brunei Country Registrar, Ir. Dato Paduka Othman Yaakub.

Pada majlis tersebut, Ir. Dato Paduka Othman Yaakub dalam ucapan alu-aluannya menekankan objektif dan faedah menyertai AER bagi jurutera profesional.

Ia kemudian diikuti dengan taklimat mengenai AER Brunei serta aktiviti disampaikan oleh Ir. Julian Fung yang menekankan

mengenai faedah menjadi Ahli AER dan penerangan dalam pelbagai tahap keahlian yang tersedia bagi jurutera profesional di Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, anggota AER perlu menggalakkan para jurutera profesional lain, juruteknik dan ahli teknologi untuk mendaftar kerana ia memberi pengiktirafan profesional yang diterima oleh kesemua 10 organisasi kejuruteraan di ASEAN.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar yang juga selaku Ahli AER Brunei, Presiden PUJA Brunei, Ir. Haji Mohd. Zin bin Awang Haji Salleh dan Naib Presiden Bahagian Jurutera, PUJA Brunei, Ir. Alice Lim.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Ahli ASEAN Engineering Register (AER) Brunei (depan, dua kanan) semasa hadir pada Majlis Perhimpunan yang diadakan oleh AER Brunei.

Kru Kabin RB tamat latihan intensif JPMC



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan sijil kepada peserta Kru Kabin Syarikat Penerbangan Diraja Brunei berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Jumaat, 13 November. - Latihan intensif untuk 21 kru Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) berakhir hari ini dengan majlis penyampaian sijil kepada para peserta.

Program dikendalikan setelah penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) untuk program penempatan antara Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Center - JPMC) dan RB, dua minggu lalu.

Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Juga hadir, Ketua Prestasi dan Pekerja RB, Richard Rendell serta pihak pengurusan dan kakitangan JPMC dan RB.

Yang Berhormat ketika berucap, sukacita mengalu-alukan Kru Kabin RB ke JPMC sebagai Duta Pesakit (Patient Ambassador) dan melahirkan rasa gembira kerana JPMC akan memanfaatkan amalan dan pengetahuan terbaik yang diperolehi daripada RB dalam meningkatkan lagi pengalaman pesakit.

Patient Ambassador jelas Yang Berhormat, akan memberikan nilai tambah kepada sentuhan peribadi yang ingin dicapai oleh JPMC bersama pesakit dan para pelanggan.

Ketua Pegawai Operasi JPMC, Dayang Zaayah binti Md. Tarmizi dalam ucapan alu-aluannya juga menekankan pentingnya pembelajaran dan latihan.

Jelasnya, pihak Pengurusan JPMC yakin bahawa Kru Kabin yang terpilih akan dapat memberi bantuan kepada penyedia Penjagaan Kesihatan JPMC setelah mengikuti latihan intensif selama dua minggu.

Tambahnya, Doktor, Jururawat dan Pakar Kesihatan Profesional Bersekutu JPMC dapat meningkatkan diri mereka lagi dalam merawat pesakit dengan lebih hebat lagi.

Teras utama MoU adalah untuk mempromosikan kerjasama yang saling menguntungkan antara JPMC dan RB dalam memberikan perkhidmatan pelanggan untuk mencapai standard tertinggi bagi masyarakat.

Melalui kerjasama ini, ia bermanfaat untuk memperkuatkan kecekapan tenaga kerja yang akan membuahkan usaha yang baik dalam mencapai kedua-dua objektif organisasi.

MTIC memperingati Maulidur Rasul



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (depan, dua kiri) semasa hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga jabatan-jabatan di bawahnya dan pihak-pihak berkuasa di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian berkenaan.

Berita dan Foto :
Ak Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 November. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi juga

jabatan-jabatan di bawahnya dan pihak-pihak berkuasa mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam bagi Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi, di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul

Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Dalam menyemarakkan acara sambutan berkenaan, majlis diserikan lagi dengan Ceramah, bertajuk 'Membangun dengan Akhlak Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', disampaikan oleh Penceramah Undangan, Pensyarah Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmi Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Majlis tahunan yang dikelola bersama oleh MTIC dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan tersebut, antara lain bertujuan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Maulidur Rasul).

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan); Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi); Pemangku Ketua Eksekutif; pengarah-pengarah jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai juga kakitangan MTIC juga

jabatan-jabatan di bawahnya dan pihak-pihak berkuasa.



CERAMAH disampaikan oleh Penceramah Undangan, Pensyarah Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmi Baihaqy bin Haji Awang Yussof.

Ketengahkan kepentingan Whole of Nation Approach

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Table Top Exercise (TTX), Eksesais Perisai Kebangsaan (EPK) 05/2020 telah pun selesai dilaksanakan dengan jayanya.

Majlis Penutup TTX, EPK 05/2020 berkenaan berlangsung di

Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri, pada petang, Khamis, 12 November 2020, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji Hamzah bin Haji

Sahat.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera

Siaran Akhbar dan Foto : Sekretariat Eksesais Perisai Kebangsaan

dan Angkatan Bersama ABDB, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap juga Ketua-ketua Jabatan Kerajaan.

Eksesais yang dikendalikan selama tiga hari tersebut melibatkan 30 agensi kerajaan dan swasta, terdiri daripada para peserta latihan di peringkat Strategik, Operasi dan Taktikal.

Dengan pengendalian eksesais berkenaan, ia berjaya menyediakan peluang latihan yang komprehensif bagi seluruh agensi-agensi keselamatan yang terlibat dan agensi-agensi berkepentingan yang lain.

Eksesais itu berjaya mengetengahkan kepentingan Whole of Nation Approach dalam menangani ancaman-ancaman dan krisis-krisis yang disediakan dalam bentuk senario juga injek.

Dalam ucapan tetamu kehormat, beliau menyeru kepada semua peserta yang terlibat agar tidak berhenti setakat TTX sahaja, segala isu yang diketengahkan melalui After Action Review hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya dan mengambil peluang untuk



PEMERINTAH ABDB berucap pada Majlis Penutup TTX, EPK 05/2020 berkenaan.

memperkemaskinikan juga *synergise* semua Standard Operating Procedures (SOP) masing-masing dan berkaitan dengan *combined operation* secara *multi-agencies*.

Eksesais kali ini merupakan latihan di peringkat kebangsaan yang kelima diadakan di Negara Brunei Darussalam.

Latihan-latihan sebelum ini dikendalikan pada tahun 2009, 2010, 2011 dan 2015.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (depan, empat dari kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Table Top Exercise (TTX), Eksesais Perisai Kebangsaan (EPK) 05/2020 yang berlangsung di Dewan Banquet, Jabatan Perdana Menteri.

COVID-19 : Sifar kes baharu

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	148		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	145

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (190 hari yang lalu)	7 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
335	7,862

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
192 sampel	72,130

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 148 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 190 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak tujuh kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tidak ada kes aktif yang dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 145 orang.

Kementerian Kesihatan turut

Penyelenggaraan teknikal portal PSC Recruitment

Siaran Akhbar : Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) memaklumkan bahawa terdapat sesi penyelenggaraan teknikal berjadual akan dijalankan pada Sabtu, 14 November 2020, mulai jam 6.00 petang hingga Ahad, 15 November 2020, jam 2.00 pagi.

Kerja-kerja penyelenggaraan adalah dijalankan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) untuk menaik taraf beberapa perkhidmatan-perkhidmatan e-kerajaan, termasuk portal PSC Recruitment.

Modul-modul yang mungkin akan terjejas adalah seperti Muat naik dokumen (para pengguna adalah disarankan untuk melengkapkan bidang kelulusan); dan Melihat iklan jawatan kosong.

Pejabat SPA memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 335 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 7,862 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 192 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa

jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 72,130 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Sumbangan kepada mangsa kebakaran



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (kiri) semasa menyerahkan sumbangan kewangan daripada YSHHB kepada ketua keluarga, Dayang Noriah binti Haji Tuah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukannya.

Sehubungan itu, YSHHB hari ini menyampaikan sumbangan kewangan kepada sebuah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Limau Manis. Bantuan ini dilaksanakan dengan segera bagi meringankan beban mangsa yang terlibat.

Sumbangan kewangan daripada YSHHB itu diserahkan kepada ketua keluarga, Dayang Noriah binti Haji Tuah di mana rumah beliau terlibat dengan kejadian kebakaran yang berlaku pada 4 November lalu.

Sumbangan tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji

Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB. ia dihasratkan akan dapat meringankan lagi beban keluarga mangsa dalam meneruskan lagi kehidupan seharian mereka.

Diabetes beri impak besar terhadap ekonomi

Dari muka 10

Ia juga jelas Yang Berhormat, adalah sebagai mekanisme bagi jururawat DNEs untuk menunjukkan prestasi dan perkembangan profesional mereka dan sebagai pengesahan kepada diri mereka sendiri dan juga organisasi tempat kerja.

Di samping itu, tambahnya, kursus berkenaan juga akan mendorong komitmen jururawat terhadap amalan terbaik, piawaian dan pengetahuan terkini berkaitan dengan pendidikan Diabetes.

"Antara program pendidikan Diabetes yang telah dijalankan oleh jururawat DNEs sendiri adalah termasuk daripada itu juga, Program 3S - Sihat, Seimbang, Sayang di Pusat Kesihatan Pengkalan Batu, khusus memfokuskan kepada pesakit Diabetes di bawah tadahan Pusat Kesihatan Pengkalan Batu yang tidak berupaya untuk mengawal tahap gula mereka.

"Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan memperbaiki tahap gula kepada normal dalam kalangan pesakit dan seterusnya mengurangkan risiko komplikasi. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai ahli profesional kesihatan seperti doktor, DNEs dan pegawai pemakanan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengongsikan hasil dapatan program pada tahun 2016 - 2017 mendapati terdapat penurunan dalam kadar gula dalam darah (HbA1c) dalam kalangan peserta daripada 11.3 peratus kepada 10.5 peratus selepas enam bulan mengikuti program berkenaan.

Pengetahuan terhadap Diabetes berpandukan kepada Diabetes Knowledge Questionnaire juga telah meningkat dalam kalangan peserta selepas menyertai program.

Bertepatan dengan tema sambutan Hari Diabetes Sedunia 2020, Yang Berhormat menyeru kepada orang ramai untuk sama-sama menghargai peranan jururawat dalam pencegahan dan rawatan Diabetes, khususnya di dalam mengenal pasti Diabetes di peringkat awal bagi memastikan pesakit mendapat rawatan segera; menyediakan latihan pengurusan diri dan sokongan psikososial kepada pesakit Diabetes dalam membantu mencegah komplikasi; dan mengatasi faktor risiko bagi mencegah penyakit Diabetes Jenis 2.

Yang Berhormat menekankan bahawa Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan demi mencapai Wawasan Brunei 2035 untuk menjamin kualiti kehidupan yang tinggi bagi penduduk NBD dengan memastikan setiap rakyat dan penduduk akan mendapat penjagaan kesihatan yang saksama dan mudah diakses serta menyediakan sistem penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, di samping memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit Diabetes dan mempromosikan kesejahteraan hidup di semua peringkat usia.

Pendaftaran SMS untuk keputusan PCKSA

Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Pemilihan Calon ke Sekolah Arab (PCKSA) Tahun 1441H / 2020M akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara *online* atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan

telefon bimbit. Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar mulai Sabtu, 14 November 2020, jam 3.00 petang.

Pendaftaran secara *online* boleh dibuat menerusi Laman Sesawang KHEU di www.kheu.gov.bn.

Manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan PCSB. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS

hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BNDI bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohonkan kepada pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat memudahkan calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan Peperiksaan PCKSA Tahun 1441H / 2020M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd. melalui e-mel, mach@machbrunei.com.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	148		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	145

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (189 hari yang lalu)	7 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
338	7,813

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
486 sampel	71,938

COVID-19 : 71,938 ujian sejak Januari 2020

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, tidak ada kes aktif yang dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 145 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 338 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 7,813 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak

Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 486 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 71,938 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 148 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 189 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak tujuh kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan



Memfaatkan sumber bumi melalui pertanian

memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya bekerja mencari sumber rezeki, antaranya dalam Surah Al-Qasas, ayat 73 :

Tafsirnya : "Dan di antara rahmat-Nya, Dia menjadikan untuk kamu malam dan siang supaya kamu dapat beristirahat padanya (waktu malam) dan dapat mencari rezeki daripada limpah kurnia-Nya (pada waktu siang) dan mudah-mudahan kamu bersyukur".

Adapun antara sumber rezeki yang boleh diusahakan itu adalah bidang pertanian. Pertanian merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penghasilan atau pengeluaran makanan seperti perkebunan, penanaman dan penternakan termasuklah juga sektor agrimakanan.

Memaju dan memanfaatkan sumber bumi melalui pertanian merupakan tuntutan dalam agama kita. Peri mustahaknya bidang pertanian itu dari perspektif agama Islam dapat dilihat dari banyaknya ayat Al-Quran yang menyebut tentang hasil tanaman dan buah-buahan yang beraneka macam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengingatkan tentang betapa perlunya tanah-tanah yang ada itu dibangunkan untuk menghasilkan bahan makanan dan tidak mengizinkan sama sekali tanah itu terbiar dan dibazirkan dengan begitu sahaja. Daripada Rafik bin Khadij Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesiapa yang mempunyai tanah hendaklah dia mengerjakannya dengan bertani atau (jika dia tidak berupaya melakukannya) hendaklah menyerahkan kepada saudaranya supaya diusahakan". (Riwayat Al-Imam Abu Daud)

Dalam Wawasan Brunei 2035, antara

hasrat negara ialah untuk mempelbagaikan ekonomi supaya tidak bergantung sepenuhnya pada hasil dari keluaran minyak dan gas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-14, Majlis Mesyuarat Negara 2018 mengenai :

"Bidang pertanian. Bidang ini sangatlah mendesak untuk digerakkan. Bukan bergerak ikut mood, tetapi bergerak demi keperluan. Negara adalah sangat-sangat memerlukan.

"Sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam pemakanannya, khasnya berdaya upaya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras. Usahakan ia sampai berhasil," demikian titah baginda.

Oleh yang demikian, bagi menyahut seruan raja yang kita kasihi ini, pekerjaan dalam bidang pertanian sebagai sumber rezeki atau ekonomi itu hendaklah seyogianya diusahakan, diterokai dan diceburi. Ini kerana jaminan keselamatan makanan itu adalah mustahak terutamanya pada ketika negara menghadapi masa-masa kritikal seperti krisis kekurangan makanan yang disebabkan oleh pergolakan politik, bencana alam, perubahan iklim, jangkitan wabak penyakit dan seumpamanya.

Justeru, bagi menjamin keselamatan bekalan makanan dalam negara dan membentuk masyarakat dan negara yang mandiri. Kita hendaklah sentiasa berusaha dan mempertingkatkan lagi keluaran bekalan makanan yang tumbuh dari tanah dan bumi kita sendiri. Ini sekali gus mampu mengurangkan kebergantungan dan keperluan untuk mengimport bahan-bahan makanan dari

luar. Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang menghidupkan tanah yang mati (dengan tanaman), maka baginya mendapat pahala". (Riwayat Al-Imam Ahmad)

Pada setiap 1 November di Negara Brunei Darussalam telah diisytiharkan sebagai Hari Peladang, Petani dan Penternak dan Nelayan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu bagi mengiktiraf dan mengenang jasa-jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan yang berperanan besar selaku penjana makanan negara dan memajukan ekonomi negara. 'Hasil Segar Peladang, Petani, Penternak Dan Nelayan Kitani' adalah tema Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan pada tahun ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdo'a, menggembleng tenaga dan usaha bagi mengembangmajukan lagi bidang pertanian, penternakan dan perikanan demi survivaliti atau kelangsungan bangsa dan negara kita yang tercinta ini. Mudah-mudahan dengan yang demikian, negara kita akan terus maju dan sekali gus akan dapat meningkatkan dan mempelbagaikan lagi ekonomi negara. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan Kami menjadikan padanya kebun-kebun kurma dan anggur dan Kami memancarkan padanya mata-mata air. Supaya mereka makan daripada buah-buahannya dan daripada hasil usaha tangan mereka, maka tidakkah mereka mahu bersyukur (atas nikmat-nikmat itu)?" (Surah Yaa Siin, ayat 34 - 35)

MARILAH kita bertakwa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan bumi ini sebagai hamparan rezeki yang sangat luas supaya kita berusaha mencari sumber rezeki yang Halalan Tayyiban bagi menyara kehidupan.

Dengan usaha itu, kita boleh menjalankan tanggungjawab memberi nafkah kepada keluarga, menampung perbelanjaan harian di samping memberikan kita kemudahan untuk menunaikan amal ibadat dan membuat amal kebajikan seperti mengeluarkan zakat, bersedekah dan seumpamanya. Dalam Al-Quran, terdapat banyak firman Allah Subhanahu Wata'ala yang

The Coffee Bean & Tea Leaf diiktiraf restoran sihat



KETUA Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim semasa menyerahkan Sijil Penyertaan kepada Presiden PAR Food and Beverage Sdn. Bhd., Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Mun'im bin Pengiran Anak Haji Tahiruddin.

BERAKAS, Rabu, 11 November. - Orang ramai berserta pihak kerajaan, swasta dan komuniti

perlu bekerjasama dalam pencegahan juga pengawalan Penyakit-penyakit Tidak

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs), di negara ini.

NCDs, seperti kanser, penyakit jantung, diabetes, strok dan darah tinggi merupakan punca kematian tertinggi, di negara ini sejak beberapa dekad yang lalu.

Penyakit-penyakit tersebut adalah disebabkan oleh faktor risiko berkaitan dengan amalan tidak sihat, seperti tidak mengamalkan pemakanan sihat dan tidak bersenam.

Sebagai salah satu langkah dalam mencegah peningkatan penyakit tersebut, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (PPK) melaksanakan Program Restoran Sihat, di The Coffee Bean & Tea Leaf, Times Square, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati

binti Haji Md. Kassim, yang juga menyerahkan Sijil Penyertaan kepada Presiden PAR Food and Beverage Sdn. Bhd., Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Mun'im bin Pengiran Anak Haji Tahiruddin, di mana The Coffee Bean & Tea Leaf telah menepati kriteria sebagai pilihan lebih sihat sebanyak 44 peratus menu mereka.

Program ini adalah untuk mengenal pasti tempat makanan sebagai rakan kongsi strategik dalam mempromosi amalan pemakanan sihat, di samping meningkatkan jumlah produk pilihan lebih sihat di negara ini.

Tujuan program tersebut adalah untuk menyediakan pasaran tempatan yang kondusif dalam menyokong pilihan makanan lebih sihat, selain memupuk budaya dan amalan pilihan makanan sihat dalam kalangan pemilik, pengurus

dan pelanggan kedai-kedai makanan.

Program juga memupuk restoran untuk menyediakan makanan dalam kuantiti yang sederhana juga memenuhi pilihan kurang gula, kurang garam atau kurang minyak.

Dengan adanya pelancaran program berkenaan diharap akan lebih banyak restoran di negara ini untuk mengambil kesempatan dalam menyediakan pilihan lebih sihat di dalam menu.

Dalam masa yang sama bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam mencapai Visi 2035 Kementerian tersebut, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan Wawasan Brunei 2035 : Kualiti Kehidupan Yang Tinggi.

Restoran yang akan menyertai program berkenaan perlu menyediakan sekurang-kurangnya 25 peratus menu pilihan lebih sihat berpandukan garis panduan yang disediakan oleh PPK, di mana makanan dan minuman yang dikategorikan sebagai pilihan lebih sihat akan dilabel dengan logo 'Pilihan Lebih Sihat', di dalam menu restoran tersebut.

Ceramah Khas sempena Maulud Nabi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



CERAMAH Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1442 Hijrah Universiti Brunei Darussalam (UBD) disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD dan Profesor Kanan di Institut Pengajian Dasar, UBD, Profesor Amin Abdul Aziz (kiri). Manakala gambar kanan, Naib Canselor UBD (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.



TUNGKU LINK, Rabu, 11 November. - Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1442 Hijrah, Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Ceramah Khas, bertempat di Dewan Utama, Dewan Canselor, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Ceramah Khas, bertajuk 'The Morals & Ethics of The Prophet Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam', disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD dan Profesor Kanan di Institut

Pengajian Dasar, UBD, Profesor Amin Abdul Aziz.

Ceramah, antara lain menghuraikan tentang kepercayaan umat Islam kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan mengisi kesucian dalam jiwa juga hati mereka.

Selain itu, ceramah turut menjelaskan mengenai keikhlasan seorang Muslim dalam melaksanakan ibadah kerana sekiranya melaksanakan sesuatu dengan tidak mempunyai keikhlasan, perbuatan itu hanya akan sia-sia.

Tajuk ceramah dipilih selaras dengan Tema Sambutan Peringkat Kebangsaan, iaitu 'Membangun dengan Akhlak Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam'.

Majlis tahun ini dianjurkan melalui Jawatankuasa Keagamaan dan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD, bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam kampus universiti berkenaan.

Selain itu, ia juga untuk memberikan peluang kepada para warga UBD khususnya, dan orang ramai amnya, untuk sama-sama mengetahui juga meneladani akhlak Rasulullah, seterusnya sebagai penghubung silaturahim di antara warga UBD bersama orang ramai.

Majlis turut dihadiri dan dimeriahkan lagi oleh para pegawai, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa UBD juga jemputan dari Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan lainnya.



SEBAHAGIAN daripada pegawai, pensyarah, kakitangan dan mahasiswa UBD juga jemputan dari Institusi Pendidikan Tinggi tempatan lainnya yang hadir.

Operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan terbiar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dengan kerjasama agensi-agensi berkuasa, iaitu Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) dan pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan operasi penguatkuasaan terhadap kenderaan-kenderaan yang terbiar di beberapa kawasan, di Daerah Brunei dan Muara.

Operasi kali ini tertumpu di kawasan-kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan di bawah kawalan JKP, iaitu di sekitar Jalan 64; kawasan letak kereta rumah teres Jalan 83; dan kawasan letak kereta rumah teres, di sepanjang Jalan 77.

Melalui operasi ini, pihak JPD dan agensi-agensi berkuasa mendapati sebuah rumah di kawasan berkenaan dijadikan sebagai bengkel membaiki pulih kenderaan dan sebanyak 28 buah kenderaan terbiar, di bahu jalan raya dan kawasan letak kereta rumah teres.

Pada kesempatan ini, JKP ingin mengingatkan kepada pemilik-pemilik rumah di bawah RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) bahawa menjalankan kegiatan perniagaan adalah tidak dibenarkan

berdasarkan pada perjanjian Peraturan dan Syarat bagi mengikut Skim Perumahan Negara.

Berkenaan dengan isu kenderaan terbiar, antara tindakan yang diambil mengikut proses Standard Operational Procedure (SOP), ialah mana-mana pihak berkuasa akan mengambil tindakan, seperti berikut : (i) Mengeluarkan surat notis kepada mana-mana pemilik kenderaan yang menyimpan atau meninggalkan kenderaan terbiar bagi memindahkan kenderaan-kenderaan mereka dalam tempoh 14 hari; dan (ii) Kenderaan terbiar yang tidak dipindahkan selepas tempoh berkenaan akan ditarik atau dipindahkan oleh syarikat-syarikat yang dilantik oleh agensi-agensi Operasi Sepadu Bersih Kenderaan Terbiar ke tempat simpanan yang dikenal pasti.

Manakala (iii) Pemilik kenderaan terbiar yang ingin menuntut kenderaan mereka setelah kenderaan itu ditarik, hendaklah menghubungi JPD bagi proses tuntutan; (iv) Sebarang kos tuntutan, termasuk kos penarikan adalah tanggungjawab pemilik kenderaan terbiar dan hendaklah dibayar terus kepada

syarikat-syarikat yang berkenaan; dan (v) Kenderaan-kenderaan terbiar yang tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan akan dilupuskan dan rekod pendaftaran kenderaan berkenaan akan dihapuskan daripada data pendaftaran Sistem Pengangkutan Darat (SPD).

Sehubungan itu, JPD dan agensi-agensi berkuasa ingin memohon kerjasama orang ramai, terutama sekali pemilik-pemilik kenderaan atau syarikat-syarikat untuk tidak meninggalkan kenderaan-kenderaan yang tidak diperlukan lagi di merata tempat dengan cara terbiar.

Perbuatan meninggalkan atau membiarkan kenderaan-kenderaan yang tidak digunakan lagi ini boleh menimbulkan isu-isu keselamatan dan mencemarkan alam sekitar.

Tindakan boleh diambil mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30 dan boleh dikenakan kompaun tidak kurang BND500 di bawah kuasa Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran dan PPDB.

Dalam hal ini, orang ramai



MELALUI operasi ini, pihak Jabatan Pengangkutan Darat dan agensi-agensi berkuasa mendapati sebuah rumah di kawasan berkenaan dijadikan sebagai bengkel membaiki pulih kenderaan dan sebanyak 28 buah kenderaan terbiar, di bahu jalan raya dan kawasan letak kereta rumah teres.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

bolelah menghantar kenderaan-kenderaan yang tidak diperlukan lagi ke tempat pelupusan yang dibenarkan di negara ini, iaitu Syarikat M.Han Sdn. Bhd., terletak di Ban 3A, Simpang 5, Kampung Mulaut. JPD dan agensi-agensi berkuasa mengalu-alukan kerjasama daripada orang ramai dalam mengongsikan maklumat -

maklumat yang berkaitan dengan kenderaan - kenderaan yang terbiar.

Orang ramai boleh melaporkan perkara-perkara berkaitan dengan kesalahan lalu lintas jalan raya menerusi Talian Darussalam (TD) 123 atau melalui aplikasi WhatsApp TD +673 8333123 dengan menyertakan gambar kenderaan terbabit.



Apa Pendapat Biskita?

Besarnya manfaat buah tempatan

SEBAGAI warganegara Brunei, kita seharusnya bersyukur kerana dikurniakan dengan pelbagai hasil sumber alam yang boleh kita nikmati. Kesuburan kawasan tanah dan sumber perairan yang mencukupi memberikan kita pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang sedap lagi menyelerakan. Apabila menjelang musim buah-buahan tempatan, kebiasaannya rakyat di negara kita pasti berasa gembira kerana boleh menikmati pelbagai jenis buah-buahan yang sering kali memenuhi ruangan pasar raya atau pasar-pasar buah yang terdapat di negara kita seperti rambutan, langsung, duku, manggis dan yang paling dinanti-nantikan semua orang ialah raja buah iaitu durian yang pelbagai jenis. Apa Pendapat Biskita hari ini membawa anda dengan beberapa pendapat tentang keistimewaan buah-buahan tempatan.

"Kemunculan musim buah-buahan tempatan sering kali dapat kita lihat di mana buah-buahan tempatan sebenarnya digemari oleh penduduk setempat berbanding buah-buahan import. Antara kebaikan yang dapat kita peroleh dengan mengambil buah-buahan tempatan di mana khasiat dan kualitinya amat terbaik daripada buah import. Ini kerana ia ditanam, tumbuh dan dituai secara lokal dan makanya ia mudah untuk didapati dan dapat dimakan secara segar dari ladang-ladang petani. Jika dibandingkan dengan buah-buahan dari negara luar, faktor logistik yang memakan masa yang lama menjejaskan kualiti dan kondisi buah tersebut. Kita sebagai pengguna akan kerugian kerana kandungan vitamin dan nutrien dalam buah terbahit sudah berkurangan dan tidak memberikan manfaat. Kita ambil sebagai contoh iaitu buah betik atau dikenali sebagai Buah Bidadari, di mana ia merupakan buah iklim tropika yang mengandungi Vitamin 'A', 'C', 'E' dan 'K' selain ciri-ciri antioksidan yang baik untuk tubuh badan kita, kulit dan rambut, mampu menghilangkan tanda-tanda penuaan, mengurangkan jerawat, merangsang pertumbuhan dan kekuatan rambut. Ini terbukti bahawa buah-buahan tempatan juga mempunyai kualiti dan khasiat yang tinggi. Oleh itu, kita seharusnya berbangga dengan kehadiran buah-buahan tempatan kita berbanding buah-buahan import". - **Mohd. Al Bakhri Mahmud, BSB.**

"Dengan adanya buah-buahan tempatan kita tidak perlu terlalu mengagung-agungkan kehadiran buah-buahan import kerana buah-buahan tempatan kita tidak kurang hebatnya dari segi rasa dan khasiat serta keistimewaannya di samping harganya yang berpatutan. Buah-buahan import lazimnya dijual pada harga yang agak mahal disebabkan kos logistik yang perlu ditampung oleh pembekal tetapi buah-buahan tempatan tidak memerlukan kos logistik yang banyak kerana bekalan boleh didapati secara mudah. Secara tidak langsung, harga akan menjadi lebih murah dan pembeli dapat menikmati buah yang segar dan berkualiti tanpa perlu berbelanja lebih. Kesannya, masyarakat konvensional akan memilih buah-buahan tempatan berbanding import kerana mendapat harga yang murah serta kesegaran dan kualiti yang terbaik. Pada masa yang sama, kebaikan buah-buahan tempatan adalah ia dapat membantu pertumbuhan ekonomi domestik. Contohnya sekarang di mana negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19 di mana aktiviti import dan eksport begitu menyulitkan tetapi dengan adanya bahan tempatan kita ia secara tidak langsung membantu mempertingkatkan ekonomi kita kerana berbelanja di negara sendiri. Pada hakikatnya membeli buah-buahan tempatan dapat membantu perkembangan usahawan tempatan dan melonjak produk keluaran tempatan". - **Zulhilmi bin Khairuddin, Muara.**

"Pada pandangan saya, kelebihan yang ada pada buah-buahan tempatan adalah keselamatan yang terjamin. Mungkin ada di antara kita yang tidak tahu bahawa terdapat penggunaan bahan kimia seperti natrium yang diaplikasikan kepada buah-buahan import. Hal ini demikian kerana ia adalah bahan kimia yang dapat membantu membekalkan kualiti buah-buahan yang terpaksa disimpan lama sebelum sampai ke ruangan jualan di pasaran dan kedai. Akibatnya pengguna akan mendapat kesan dari segi kesihatan sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang. Masyarakat kita mungkin tidak lagi mempunyai kesedaran akan kepentingan keselamatan makanan tetapi pihak berkuasa seharusnya bersikap proaktif dalam mengekang bahaya yang mengancam kesihatan rakyat. Oleh itu, wajar untuk kita mengelakkan diri daripada risiko makanan yang tidak selamat dengan memilih produk atau buah-buahan tempatan". - **Hajah Saadiah binti Sulaiman, Kilanas.**

Pada pandangan saya pula selaku penulis ruangan ini, pelbagai kelebihan dan kebaikan buah-buahan tempatan yang akan diperoleh sekiranya kita kekal membeli dan mencipta permintaan yang tinggi. Masyarakat kita masih mempunyai stigma bahawa produk keluaran negara luar mempunyai kualiti dan khasiat yang lebih tinggi berbanding produk keluaran tempatan. Sebagai generasi muda pula, kita seharusnya mengubah pemikiran tersebut dan bersikap lebih terbuka untuk menyahut cabaran dalam membuktikan kebolehan usahawan tempatan di dalam memperkenalkan potensi buah-buahan tempatan dalam mengembangkan jumlah permintaan dan berusaha untuk memajukan industri tani buah-buahan tempatan demi untuk pembangunan negara dan kesejahteraan hidup masyarakat setempat.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

i. Bakat Dan Potensi Remaja.

ii. Didikan Agama Tangani Gejala Sosial Remaja.

Hasil penjualan lukisan disumbangkan

MANGGIS, Khamis, 12 November. - Sejumlah BND4,000 disumbangkan kepada beberapa buah badan yang tidak berasaskan keuntungan (*non-profit organizations*) melalui hasil penjualan Pameran Lukisan The Flowing Ancient River oleh pelukis tempatan yang berpengalaman, Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas.

Hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan berkenaan, di Kedutaan Republik Turki, Kampung Manggis Satu, di sini, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun.

Sumbangan derma disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam kepada wakil Sejahtera Community, Pengiran Noraini binti Pengiran Ahmad, disusuli dengan penyampaian kepada wakil Care and Actions for Strays.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian derma oleh Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas kepada Penolong Pengajar Kanan, Pusat Bahagia Tutong, Awang Mohammad Aidil bin Jahali, seterusnya derma disampaikan kepada Setiausaha Agung Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad.

Pameran Lukisan, hasil karya Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas, diadakan di Kedutaan Republik Turki pada 12 hingga 20 September lalu dengan mempamerkan sebanyak 194 buah lukisan dengan tiga tema berbeza, namun berkait rapat di antara satu dengan yang lain, iaitu Perkembangan Rohani (Spiritual Development); Alam Semula Jadi (Nature); dan Kampung Ayer.




TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam (NBD) (kanan) menyerahkan sumbangan kepada wakil Care and Actions for Strays (atas), sementara gambar bawah, Pengiran Abd. Wahab Hassan Al-Abbas ketika menyampaikan cenderahati kepada TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke NBD.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Hasil daripada penjualan dan 10 peratus pula akan pameran tersebut, sebanyak 20 didermakan buat kesejahteraan peratus didermakan kepada NGO haiwan.



Penghidap Diabetes semakin meningkat



PEGAWAI Perubatan, Pusat Endokrin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Nur Husnina binti Matali semasa sesi Webinar Bersiri melalui Facebook, Instagram dan YouTube Kementerian Kesihatan.

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Diabetes adalah masalah kesihatan yang semakin meningkat di seluruh dunia dari tahun 1980 hingga ke tahun ini.

Jumlah pesakit yang mempunyai Diabetes hampir empat kali ganda dari 108 juta menjadi dalam 460 juta orang di seluruh dunia pada tahun ini yang menghidap penyakit berkenaan.

Trend peningkatan ini dijangkakan tidak akan berhenti atau tidak akan menurun, malahan ia dijangka akan semakin meningkat ke 578 juta pada tahun 2030.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pegawai Perubatan, Pusat Endokrin, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Nur Husnina binti Matali semasa sesi Webinar Bersiri yang diadakan secara langsung pagi tadi melalui Facebook, Instagram dan YouTube Kementerian Kesihatan.

Menurutnya, satu dalam lima pesakit Diabetes adalah berumur 65 tahun ke atas, di mana Diabetes juga dilihat dapat menyebabkan sebanyak 4.2 juta kematian pada tahun 2019 sahaja.

Hari Diabetes Sedunia katanya, diperkenalkan pada tahun 1991 oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (IDF) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang diadakan pada setiap tahun, iaitu pada 14 November.

BYLC akan diadakan Mac tahun depan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang juga selaku Pengerusi BYLC 2021.



KETUA Pegawai Operasi Generasi Bekarih selaku Pengurus Projek BYLC 2021, Awang Mohd Syukri bin Jamil.



PENGERUSI Bersama BYLC 2021, Awang Haji Mohamad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan yang juga Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 November. - Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (Brunei Young Leaders Convention - BYLC) 2021 kini

kembali dengan penganjurannya buat kali ketiga dan akan diadakan bermula 23 Mac hingga 25 Mac 2021 nanti.

gabungan usahawan muda tempatan; Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarih merupakan sebuah

platform yang menyatukan belia dengan agensi-agensi yang berkepentingan sama ada daripada pihak kerajaan, swasta dan masyarakat bagi menyampaikan maklumat yang tepat dan terkini mengenai Wawasan Brunei 2035 serta sebagai platform bagi membantu belia untuk bergiat lebih aktif dalam melaksanakan program dan projek yang dapat membantu dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang juga selaku Pengerusi BYLC 2021 semasa mengongsikan mengenai BYLC 2021 pada Sidang Media yang diadakan di Dewan Silaturahmi Pusat Belia, di ibu

negara petang tadi menyatakan, BYLC adalah satu platform bagi belia-belia *kitani* untuk berbicara, berinteraksi dan membuat rangkaian kerja terutama sekali mengenai topik utama Wawasan Brunei 2035.

Menurut Yang Berhormat, BYLC membawakan moto B.E.L.I.A iaitu Believe, Empower, Lead, Inspire dan Act. 'Believe' bererti kepercayaan terhadap kemampuan belia dalam membantu mencapai wawasan dan pembangunan negara, manakala 'Empower' pula bermaksud menyokong, membimbing dan membantu para belia dalam usaha tersebut.

Ke muka 25

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BASMIDA adakan Majlis Khatam Al-Quran



YANG Di-Pertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni bin Haji Mohd. Ali semasa berucap.

JERUDONG, Jumaat, 13 November. - Ahli-ahli Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMIDA) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi bertempat di Ar-Raiyan, Kampung Jerudong, di sini.

Hadir pada acara majlis tersebut ialah Yang Di-Pertua Basmida, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali selaku Pengerusi Majlis, Naib Yang Di-Pertua Basmida, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah selaku Timbalan Pengerusi serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Hajah Kaisah binti Nayan manakala doa sebelum membaca Al-Quran dibacakan oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi.

Acara khatam dimulakan dengan bacaan Surah Adh-Dhuha yang kemudiannya diikuti bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh Dayang Hajah Norjainah binti Haji Putera (dalam bahasa Arab) dan Datin Dayang Hajah Masni (dalam

bahasa Melayu).

Majlis tersebut turut diserikan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman yang antara lain menyentuh mengenai ajaran Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sentiasa mengajak umat Islam agar membuat segala kebaikan dan meninggalkan apa jua dilarang.

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam jelasnya, juga menyeru umatnya untuk berbuat baik, bersopan santun, merendahkan diri, menjadi seorang yang pemurah dan sebagainya. Perutusan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan pembawa rahmat kepada seluruh umat.

Beliau turut berkata, amalan-amalan mulia yang ada terdapat dalam Al-Quran telah membentuk satu karakter tersendiri pada diri Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan memberi pengaruh besar kepada kehidupan sosial Baginda sehinggakan isteri-isteri, sahabat-sahabat dan mereka yang hidup pada zaman rasulullah juga turut terpengaruh kepada kebajikannya.

Maka dengan selawat tambahnya menjadikan cinta kepada Rasulullah sebagai satu kunci mencapai manisnya iman. Kesempurnaan iman tidak akan wujud kecuali dengan mencintai Baginda dan mengagungkannya sebagaimana perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu, Datin Dayang Hajah Masni dalam ucapannya menjelaskan, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita sebagai hamba-Nya yang beriman supaya mencintai dan mengasihi Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut Sunnah yang dibawa oleh Baginda. "Salah satu cara *kitani* menunjukkan rasa cinta dan kasih kepada Baginda ialah dengan membanyakkan bacaan selawat," jelasnya.

Justeru, ujar beliau, kita selaku Muslimah tetap ingat mengingati peranan kita dalam mencontohi dan menerapkan nilai-nilai akhlak tinggi yang

ditauladankan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kehidupan kita seharian berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



AHLI-ahli BASMIDA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan yang diadakan di kediaman Yang Di-Pertua Basmida, di Ar-Raiyan, Kampung Jerudong.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Rasuah Pemusnah Negara dan Bangsa'. Tarikh Tutup : 18 November 2020
2. 'Pelancongan Domestik Pacu Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 25 November 2020
3. 'Sederhana Dalam Berbelanja Jauhi Pembaziran'. Tarikh Tutup : 2 Disember 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dibarigakan



SUASANA sesi taklimat kepada pihak syarikat daripada sektor swasta bagi pembarigaan Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dikendalikan oleh Jabatan Buruh.

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Sesi taklimat kepada pihak syarikat daripada sektor swasta diteruskan lagi sebagai salah satu langkah pembarigaan Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dikendalikan oleh Jabatan Buruh.

Taklimat kali ini diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Sebelumnya, taklimat serupa diadakan di Daerah Brunei dan Muara; Daerah Belait; dan Daerah Temburong, masing-masing bertarikh 10 Oktober 2020; 3 November 2020; dan 7 November 2020.

Sesi taklimat ini dihasrat untuk memberikan maklumat dan penerangan mengenai Pelaksanaan Denda Kompaun di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang telah dikuatkuasakan pada 15 Oktober 2020 lalu.

Sesi taklimat dipengerusikan oleh Penolong Ketua Cawangan di Jabatan Buruh Cawangan Daerah Tutong, Pemeriksa Buruh, Pengiran Rakawe bin Pengiran Haji Ahmad, manakala taklimat disampaikan oleh Pemangku Penolong Pesuruhjaya Buruh, Awang Mohammad Hazizul bin Hassan dari Bahagian Pendakwaan dan Perundangan, Jabatan Buruh.

Pihak syarikat diterangkan mengenai mana-mana majikan

yang melanggar Perintah Pekerjaan, 2009 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya akan dikenakan tindakan kompaun, iaitu bagi kesalahan pertama dan kesalahan kedua, dan bagi kesalahan ketiga tidak akan ditawarkan denda kompaun, tetapi akan dihadapkan ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan.

Setiap kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah tidak melebihi BND1,000. Sesi taklimat pada kali ini juga mengongsikan mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan denda kompaun sepertimana kehendak Bab 147, Perintah Pekerjaan, 2009 dan Lesen Perkhidmatan Domestik dengan merujuk Peraturan-peraturan Pekerjaan (Komposisi Kesalahan), 2017 dan Jabatan Buruh menekankan betapa pentingnya setiap majikan untuk menyediakan Kontrak Pekerjaan bertulis di antara majikan dan pekerja bagi menjaga kepentingan juga melindungi hak-hak kedua belah pihak.

Seramai 40 buah syarikat di sektor swasta telah dijemput hadir ke sesi taklimat tersebut dengan menghadkan kehadiran seorang wakil sahaja daripada setiap syarikat sebagai langkah mengamalkan penjarakan sosial sepertimana saranan pihak Kementerian Kesihatan.

Bagi mengetahui maklumat lanjut mengenai dengan kadar denda kompaun bagi setiap kesalahan, orang ramai khususnya para majikan bolehlah menghubungi menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja); +673 7298989 (selepas waktu bekerja) atau melayari Laman Sesawang Jabatan Buruh di www.labour.gov.bn.

Rasulullah contoh teladan terbaik



FORUM Khas sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diteruskan dengan penyampaian Anugerah Staf Cemerlang 2019 Masihi yang disempurnakan oleh Rektor UNISSA (kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Forum Khas sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Forum Khas bertemakan 'Membangun Dengan Akhlak Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam', disampaikan oleh dua mahasiswa UNISSA, iaitu mahasiswa Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Awang Mohd. Hassan Basri bin Haji Hanipah; dan mahasiswa Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Mohd. Furqan Firdaus bin Dr. Shamsul Muawan.

Forum tersebut dipengerusikan oleh mahasiswa Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Awang Mohammad Farizuan Fatinuddin bin Assokan.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan adalah Rasulullah merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti dalam memacu pembangunan umat dan menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Pada diri Rasulullah itu terletak contoh pemimpin terbaik, peniaga terbaik, jiran terbaik, sahabat terbaik, suami terbaik dan banyak lagi yang merangkumi segenap aspek kehidupan. Dengan mencontohi corak kehidupan Nabi, maka akan terwujudlah satu generasi yang baik dan berakhlak mulia.

Tujuan majlis tersebut diadakan adalah bagi Memperingati Hari Kelahiran Baginda Rasulullah, di samping memupuk semangat perpaduan dan rasa cinta terhadap Rasulullah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Staf Cemerlang 2019 Masihi, di mana seramai sembilan tenaga akademik dan sokongan UNISSA menerima anugerah tersebut, disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Juga hadir, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan juga mahasiswa UNISSA.

Penghidap Diabetes semakin meningkat

Dari muka 18

"Kaji selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Permakanan 2011 (NHANNS) melaporkan bahawa sebanyak 12.4 peratus penduduk di negara ini mempunyai penyakit Diabetes.

"Perangkaan terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mendapati bahawa penyakit ini terus kekal menjadi punca kematian ketiga semenjak tahun 2012," jelasnya.

Diabetes atau lebih sinonim dengan panggilan kencing manis adalah sejenis penyakit kronik, di mana terdapat kadar gula yang berlebihan dalam peredaran darah.

Beliau menekankan bahawa terdapat tiga jenis Diabetes, iaitu Diabetes Mellitus Jenis 1 (T1DM); Diabetes Mellitus Jenis 2 (T2DM); dan Gestational Diabetes.

T1DM tidak dapat menghasilkan insulin disebabkan reaksi

autoimmune; memerlukan insulin setiap hari; kira-kira lima ke 10 peratus pesakit Diabetes menghidap T1DM; gejala berlaku dengan cepat; dan biasanya berlaku pada kanak-kanak dan remaja.

T2DM pula disebabkan oleh kekurangan sensitiviti tisu badan terhadap insulin menyebabkan kadar gula yang tinggi; dalam 90 ke 95 peratus penghidap T2DM; selalunya berlaku kepada orang yang berumur (tetapi kebelakangan ini juga pada kanak-kanak dan remaja); dan kemungkinan tidak ada simptom terutama pada peringkat awal. Oleh itu, adalah penting untuk memeriksa kadar gula sekiranya ada risiko menghidap Diabetes.

Manakala Gestational Diabetes dialami oleh wanita mengandung yang tidak pernah ada sejarah Diabetes dan sekiranya mempunyai Diabetes ini, kandungan dan bayi akan mempunyai risiko kesihatan jika

kadar gula tidak dikawal dengan baik dan Diabetes ini selalunya akan hilang selepas melahirkan, tetapi ia juga akan meningkatkan risiko mendapat Diabetes T2DM di masa akan datang.

"Pada peringkat awal, Diabetes sering berlaku secara senyap. Antara tanda-tanda amaran Diabetes adalah kerap membuang air kencing, kerap merasa haus, dan berat badan menurun mendadak.

"Adalah disarankan untuk menjalani ujian di klinik kesihatan sekiranya mempunyai tanda-tanda Diabetes kerana pengesanan dan rawatan awal dapat mengurangkan risiko komplikasi," ujarnya.

Sementara itu, Jururawat Pengajar Diabetes, Pusat Endokrin, Hospital RIPAS, SN Jannah binti Haji Md. Said menerangkan mengenai Jururawat Pengajar Diabetes - Diabetes Nurse Educator (DNE) atau Pakar Jururawat Diabetes yang mula ditubuhkan pada tahun 1996

di Hospital RIPAS, iaitu perkhidmatan bagi merawat pesakit Diabetes, di mana ketika ini di Hospital RIPAS mempunyai sebanyak enam DNE; Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong mempunyai sebanyak dua DNE; Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait memiliki sebanyak tiga DNE; Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM) Temburong pula memiliki hanya satu DNE; dan Pusat-pusat Kesihatan pula mempunyai sebanyak tujuh DNE.

"Objektif DNE ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan mengenai Diabetes dalam kalangan para pesakit dan ahli keluarga pesakit, selain mendorong dan meningkatkan kebolehan, kemahiran dan kompetensi untuk menguruskan dan meningkatkan pengawalan Diabetes bagi mengelakkan komplikasi.

"Dalam pada itu, DNE juga

menyediakan sesi kaunseling secara *one-to-one*," terangnya.

Menurutnya, DNE berperanan di dalam penjagaan pengambilan ubat - ubatan untuk pesakit Diabetes seperti mengajar dan menerangkan kepada pesakit dan ahli keluarga pesakit mengenai cara betul dalam pengambilan ubat; memberitahu masa yang sesuai untuk membuat rawatan; dan menerangkan dos ubat yang diambil ketika rawatan dan kesan sampingan jika berlaku.

Antara cabaran dalam menangani pesakit Diabetes katanya, ialah pesakit kurang taat dan patuh kepada arahan doktor atau DNE; tidak ada sokongan dari ahli keluarga; dan isu sosial seperti kewangan.

Oleh itu tambahnya, pihak DNE perlu sentiasa bekerjasama di dalam terus memberikan sokongan dan motivasi kepada pesakit dan ahli keluarga pesakit, terutama sekali dalam penjagaan disiplin diri dengan mengikut arahan yang telah diberikan.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN : 14 NOVEMBER 2020

TARIKH TUTUP : 28 NOVEMBER 2020

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG BOLEH DILAYARI www.recruitment.gov.bn. TATACARA PERMOHONAN DAN JUGA LAIN-LAIN MAKLUMAT SILA KUNJUNGI RUANGAN QUICKLINKS DAN FAQ'S DI PORTAL BERKENAAN.

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn.



JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

PEMBUKAAN PENYEWAAN
DEWAN MUHIBBAH
BAGI TAHUN 2021

DENGAN penuh hormat sukacita dimaklumkan mengenai perkara yang tersebut di atas akan dibukakan kepada orang ramai bermula Khamis, 3 Rabiulakhir 1442H bersamaan 19 November 2020M bermula jam 9.00 Pagi di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
62 / NOV / 2020 / KKBS / PJK / 16.14
(18)

TAJUK TAWARAN :
KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGAL (24 BULAN) BAGI
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN
DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN
DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN (BANGUNAN,
LETAK KERETA, JALANRAYA DAN
KAWASAN) DI SIMPANG 336-17,
JALAN KEBANGSAAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP:
Tidak lewat,
Selasa, 24 November 2020
[jam 2.00 Petang]



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SEBUT HARGA
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN

1. MEMBEKALKAN KOMPUTER
UNTUK GRAPHIC DESIGN BAGI
KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
[KUPU SB / JKS (26) / 03 - 10 /
2020 - 2021]

2. TO REPLACE, SUPPLY, INSTALL
AND TESTING CABLE WORKS
FOR AUDIO AND VISUAL AT
DEWAN TARBIAH, KOLEJ
UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
[KUPU SB / JKS (26) / 04 - 10 /
2020 - 2021]

3. SUPPLY AND INSTALL
AIR-CONDITIONING AT
JKR HOUSE NO.699 AT
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KATEGORI: M01 SAHAJA
[KUPU SB / JKS (26) / 05 - 10 / 2020 -
2021]

TARIKH TUTUP:
tidak lewat pada Rabu,

25 November 2020
jam 2:00 petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR
PERALATAN TONER DAN INK
CARTRIDGE PRINTER BAGI
JABATAN PENERBANGAN AWAM,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

Bilangan Tawaran:
DCA / GS / 2020 - 2021 / SH - 01

Tarikh tutup tawaran:
Rabu, 25 November 2020,
hingga jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 218 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
ZONE ARABIC SCHOOL

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 219 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
BRUNEI-MUARA (ZONE I)

3. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 220 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
BRUNEI-MUARA (ZONE II A)

4. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 221 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
BRUNEI-MUARA (ZONE II B)

5. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 222 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
BRUNEI-MUARA (ZONE III)

6. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 223 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
BRUNEI-MUARA (ZONE IV)

7. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 224 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN
TUTONG DISTRICT (ZONE V)

8. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 225 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN KUALA
BELAIT DISTRICT (ZONE VI)

9. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 226 / 2020

TAJUK :
TO SUPPLY, SERVICE AND
REFILL FIRE EXTINGUISHER FOR
SEKOLAH UGAMA WITHIN

TEMBURONG DISTRICT (ZONE VII)

KATEGORI : KPME 05 SAHAJA

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

TARIKH TUTUP :
RABU, 18 NOVEMBER 2020,
2.00 PETANG





JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

i. Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH 2021 - QTN.17 / FSS

Tarikh tutup / jam :
21 November 2020, Sabtu, 9.00 Pagi

ii. Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH 2021 - QTN.18 / FSS



Tajuk Sebut Harga :

i. MEMBEKALKAN PERALATAN DAN PERKAKAS PEJABAT UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN

ii. MEMBEKALKAN PERALATAN DAN PERKAKAS PEJABAT UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN



KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA

1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 214 / 2020

TAJUK :
REPAIRWORKS TO RUMAH KERAJAAN PWD 592 UNIT NO.B RUMAH BERDEKATAN SEKOLAH RENDAH PENGKALAN BATU

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 216 / 2020

TAJUK :
UPGRADING WINDOW AT SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK PUTERI AZIEMAH NIKMATUL BOLKIAH, KAMPUNG MENTIRI (BLOCK C)

**KELAS : I & II
KATEGORI : B01 SAHAJA**

YURAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN
TARIKH TUTUP :
RABU, 25 NOVEMBER 2020,
2.00 PETANG



KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DALAM KELAS : I & II KATEGORI :-

Tarikh Tutup :
25 November 2020 (Rabu)

1. Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1135 / 2020

Tajuk Projek :
PROVIDE 6 MONTHS STORAGE FACILITIES FOR TRADITIONAL RACING BOAT AND PONTOON, MINISTRY OF HOME AFFAIRS
BIL : KHEDN / BPE / Q1135 / 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1135 / 2020



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

1. Bilangan Tawaran :
KKWE / UPEK / PROC / 2020 / 1

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN BARANG ALAT-ALAT TULIS KEGUNAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN

2. Bilangan Tawaran :
KKWE / BTM / PROC / 2020 / 8

Tajuk Tawaran :
SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN BARANG ALAT-ALAT MENCETAK DI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI UNTUK TEMPOH SATU (1) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Sabtu, 21 November 2020.
[tidak lewat dari jam 2.00 Petang]



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**ISNIN, 23 NOVEMBER 2020,
2.00 PETANG**

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0067 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
'TO SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF COMMERCIAL TYPE DEHUMIDIFIER'

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA 'CIVIL & STRUCTURAL CONSULTANCY' YANG BERDAFTAR DENGAN BAPEQS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KELAS :- KATEGORI :-

BILANGAN :
JKR / RFQ / DOD / 02 / 2020

NAMA PROJEK :
"REQUEST FOR QUOTATION (RFQ) CIVIL & STRUCTURAL CONSULTANCY SERVICES FOR THE PROPOSED UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) - EARTHWORKS AND INFRASTRUCTURE WORKS"

TARIKH TUTUP :
17 NOVEMBER 2020 (SELASA)



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

NAMA TAWARAN :
TO SUPPLY STAINLESS STEEL ETCHING DOG TAGS WITH RING

BILANGAN TAWARAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 16 / BK

HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 19 NOVEMBER 2020



JAM 2.00 PETANG



PUSAT DAKWAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran Iklan :
(57) KHEU.PDI 300-001 JILID 24

Tajuk Sebut Harga :
SEBUT HARGA MEMBEKAL MEJA DAN KERUSI BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Tarikh Tutup :
Sabtu, 21 November 2020,



jam 2.00 Petang.



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 277 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AWANG MOHAMMAD ALIF BIN AWANG JULAIHI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANG JULAIHI BIN HAJI SULONG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 280 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI HARMI ASYRAN BIN AWANG TENGAH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NIGA BINTI HAJI DURAMAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 302 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **M JASNI BIN HAJI MD THANI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG SAUYAH BINTI HAJI MESIR** yang

telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 303 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DK FADZEILLAH BINTI PG SERJUDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PG RAHMAH BINTI PG HJ AHMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 304 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DY JUNAIDAH BINTI POKJAI HAJI AWANG MD HUSSIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHD YUSSOF BIN AWANG TAHA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak

membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 305 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MASRANI BINTI HAJI ABD RAZAK** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH DAYANG ASNAH BINTI AWANG TENGAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 306 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NUR NAQIBAH BINTI OSMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMED AZMAN BIN ABD AZIZ** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 307 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG JAINUN BINTI HAJI SABAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN JULAIHI BIN PENGIRAN MOHAMAD TAHIR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **BALU** kepada si

mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 308 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHD SOFIAN BIN MORNI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MORNI BIN HAJI TAHA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :
NO. LA / BSB / 309 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AHMAD HAFIZ BIN NAYAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AZIS BIN NAYAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab itu si pemohon ialah **ADIK LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **17 NOVEMBER 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 November 2020.

**(MOHAMMAD FIKRI FATHUDDIN
BIN ASSOKAN)**

Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Operasi 'Merati' : 17 premis perniagaan tidak patuhi arahan

Daerah Brunei Muara	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Kiulap • Tanah Jambu • Mabohai • Anggerek Desa • Kg Lambak • Berakas • The Mall Gadong • Sg Hanching
Daerah Belait	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Sg Liang • Pekan Kuala Belait • Tamu minggu Pekan Kuala Belait
Daerah Tutong	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Keriam
Daerah Temburong	<ul style="list-style-type: none"> • Batang Duri • Selangan • Kg Bokok • Bangar

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 2 hingga 8 November 2020, di premis-premis perniagaan, di keempat-empat daerah.

Operasi 'Merati' tersebut dijalankan di premis-premis perniagaan, di kawasan-kawasan seperti berikut, iaitu Daerah Brunei dan Muara, di Kawasan Kiulap; Tanah Jambu; Mabohai; Anggerek Desa; Kampung Lambak; Berakas; The Mall Gadong; dan Sungai Hanching; Daerah Belait, di Kawasan Sungai Liang; Pekan Kuala Belait; dan Tamu Minggu, Pekan Kuala Belait; Daerah Tutong, di Kampung Keriam;

Daerah Temburong, di Batang Duri; Selangan; Kampung Bokok; dan Bangar.

Operasi 'Merati' berkenaan melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan. Sebanyak 130 premis perniagaan diperiksa.

Hasil daripada operasi yang dijalankan, didapati bahawa 17 premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND7,800.

Antara kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah seperti (1) Para pengendali dan penyedia makanan dan kakitangan di premis-premis tukang gunting rambut juga Establismen

kecantikan dan kesihatan di premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*); (2) Tiada penjarakan sosial; (3) Tidak menggunakan Kod QR BruHealth; dan (4) Tiada pemeriksaan suhu badan.

Kementerian Kesihatan sekali lagi ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai, terutama sekali bagi para pengurus juga kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya, terutama sekali dalam memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan masing-masing memakai sungkup muka (*face mask*).

Selain itu, mereka juga perlu melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19, di premis perniagaan masing-masing.

Para pengurus premis dikehendaki untuk mendapatkan Kod QR aplikasi BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak kod QR berkenaan dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh para pelanggan.

Para pengurus premis juga diingatkan untuk menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan para pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka.

Selain daripada itu, mereka juga perlu mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan, terutama sekali bagi premis makanan adalah diingatkan untuk mengikut garis

Memperkukuh rangka perundangan akta syarikat

Siaran Akhbar :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Companies Act (Amendment) Order, 2020 dan Companies (Register of Controllers and Nominee Directors) Rules, 2020 untuk berkuat kuasa mulai dari 31 Oktober 2020.

Companies Act (Amendment) Order, 2020 diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi rangka perundangan Akta Syarikat (Penggalt 39) khususnya mengenai dengan urus tadbir syarikat, iaitu dari segi pematuhan syarikat ke atas keperluan undang-undang.

Antara lain tujuan pindaan di atas adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pemilik berfaedah (*beneficial owner*), iaitu pemilik saham utama (*ultimate owner*) di dalam syarikat tempatan ataupun syarikat asing.

Ini adalah selaras dengan Financial Action Task Force (FATF) Recommendation 24 yang menggariskan langkah-langkah memerangi pembersihan wang haram (*money laundering*), pembiayaan pengangkutan (*terrorism financing*) dan pembiayaan pencambahan senjata pemusnah besar-besaran (*proliferation of weapons*).

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai dengan rang Pindaan serta aturan tersebut boleh didapati di www.mofe.gov.bn. Salinan Pindaan dan Aturan tersebut boleh dimuat turun daripada Laman Sesawang Pejabat Peguam Negara di alamat www.agc.gov.bn.

panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau mengunjungi laman sosial Facebook atau Instagram untuk mendapatkan maklumat terkini.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikut arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel ke health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

DARI MAHKAMAH

Didenda miliki barang tegahan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Seorang lelaki tempatan mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda BND8,500 atau lapan bulan penjara, jika gagal membayar denda tersebut.

Defendan, Muhammad Saifuddin bin Abdullah Samat dijatuhkan hukuman itu di Mahkamah Majistret, di sini, di bawah Seksyen 146 (i) (d) Perintah Eksais, 2006 kerana memiliki 10 karton dan enam paket rokok.

Majistret Kanan, Hajah Azrimah binti Haji Abdul Rahman menjatuhkan hukuman tersebut juga menetapkan tempoh hingga 31 Mac 2021 bagi defendan untuk menjelaskan denda berkenaan.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Pencegah Cawangan Bandar Seri Begawan dan Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) semasa membuat pemeriksaan rumah dalam operasi sepadu, yang diketuai oleh BKN, di Perumahan Sungai Bunga, pada 6 Ogos lalu.

Kesemua barang terlibat adalah dihukum rampas. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awangku Muhammad Afiq bin Pengiran Haji Nordin.

Curi : Lelaki tempatan dihukum penjara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Seorang lelaki warga tempatan berusia 32 tahun, tidak bekerja mempunyai isteri dan dua orang anak mengaku salah terhadap satu pertuduhan pecah masuk dengan niat mencuri di Mahkamah Majistret, di sini, hari ini.

Berikutan itu, tertuduh dijatuhi hukuman penjara keseluruhan empat tahun dan empat kali sebatan.

Hakim Muhammad Faisal bin PDJLD Kol. (B) Dsp Haji Kefli menjatuhkan hukuman itu terhadap Hamizan bin Zainal Abidin selepas dia mengaku salah terhadap lima pertuduhan mengikut Seksyen 13A Kanun Jenayah, Bab 7.

Berdasarkan fakta kes, pada 12 Februari 2020, antara jam 12.00 tengah malam hingga jam 1.00 pagi, defendan pergi ke kawasan sekitar Taman Permainan Jerudong menggunakan kenderaan miliknya. Defendan meletakkan kenderaannya berhampiran 'Pusing Lagi' dan kemudian berjalan ke sebuah flat berdekatan.

Defendan cuba membuka pintu pagar tersebut tetapi berkunci. Defendan kemudian melihat bilik stor berhampiran flat berkenaan. Defendan cuba untuk membuka bilik berkenaan dan akhirnya berupaya memasuki bilik tersebut melalui tingkap.

Di dalam bilik tersebut, defendan melihat beberapa alat penyelenggaraan. Defendan terus mencuri beberapa barang yang kemudiannya membawa barang-barang tersebut ke longkang berdekatan dan meletakkannya di sana, sebelum berjalan kembali ke tempat dia meletakkan kenderaannya.

Defendan memandu kenderaan tersebut dan meletakkannya berdekatan dengan longkang itu. Kemudian, defendan berjalan lagi ke bilik tersebut, melalui longkang. Ketika defendan berada dalam ruangan tersebut untuk kali kedua, defendan terus mencuri lebih banyak alat-alat berkenaan.

Defendan kemudian pergi ke bilik stor lain dan menemui sebuah troli untuk meletakkan semua barang yang dicurinya.

Namun, defendan tertidur di bilik stor yang lain dan hanya bangun pada sekitar jam 8.00 pagi.

Sebaik sahaja defendan bangun, defendan membawa troli yang dipenuhi dengan barang curi tersebut dan memasukkannya ke dalam kereta serta meninggalkan kawasan berkenaan.

Dalam siasatan polis mendapati bilik stor tersebut milik Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan pintu serta tingkap bilik tersebut dikunci sebelum defendan masuk.

Siasatan polis selanjutnya menunjukkan bahawa hampir semua barang yang dicuri defendan dijumpai dan dikenal pasti oleh dua orang juruteknik Taman Permainan Jerudong sebagai milik syarikat tersebut.

Siasatan polis selanjutnya juga menunjukkan bahawa defendan mengaku dalam pernyataannya untuk mencerooboh masuk ke dalam bilik stor tersebut sekitar tengah malam dan mencuri sejumlah alat. Jumlah nilai kerugian dianggarkan sekitar BND1,500. Defendan tidak mempunyai kesalahan sebelumnya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad.

BYLC akan diadakan Mac tahun depan

Dari muka 19

'Lead' membawa erti kebolehan untuk memimpin dalam melaksanakan perubahan positif dalam mencapai sasaran. 'Inspire' bermakna dorongan mentor dari segi pengalaman, penglibatan dan memberi inspirasi kepada para belia dan 'Act' pula bermaksud tindakan yang perlu diambil oleh para belia dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Memandangkan negara masih lagi dalam situasi pandemik COVID-19 pada ketika ini, penganjuran BYLC pada tahun hadapan ujarnya, akan dibuat dengan pelaksanaan menurut arahan dan nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan yang ada pada masa ini, iaitu dengan mematuhi langkah-langkah Standard Operating Procedure yang ditetapkan seperti penggunaan BruHealth selain mengehadkan penyertaan peserta.

Pengerusi Bersama BYLC 2021, Awang Haji Mohamad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan yang juga Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Huffaz Management pula menjelaskan, BYLC mampu melahirkan belia yang berkemahiran dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Sepanjang BYLC dianjurkan jelasnya, seramai 352 peserta telah mengikutinya yang juga termasuk individu berkeperluan khas dan beliau turut berharap agar lebih banyak lagi belia-belia di negara ini akan ikut serta dalam konvensyen ini pada masa akan datang.

Beliau turut menjelaskan, dari BYLC yang lalu, peserta yang

menyertainya terdiri daripada pelbagai latar belakang yang menjadikannya sebagai satu kelebihan untuk bertukar-tukar pandangan dan idea, sekali gus dapat menubuhkan rangkaian kerja antara mereka.

Sementara itu, Pengurus Projek BYLC 2021, Awang Mohd Syukri bin Jamil yang juga Ketua Pegawai Operasi Generasi Berkariah pula menyatakan bahawa konvensyen ini akan diadakan selama tiga hari di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Daerah Temburong.

Menurutnya lagi, konvensyen dibuka kepada belia berusia di antara 18 hingga 40 tahun, yang berminat dan berhasrat untuk berganding bahu dalam pembangunan negara dan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Penyertaan bagi mengikuti BYLC dibuka bermula hari ini dan tarikh tutup pendaftaran adalah pada 1 Mac 2021 dan semua pendaftaran dilakukan secara dalam talian melalui laman Sesawang www.bylconvention.com.

Sepanjang konvensyen tersebut, pemimpin belia yang hadir akan berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Wawasan Brunei 2035, mengikuti forum dan sesi soal jawab bersama mentor yang terpilih, klinik mentor, membina rangkaian kerja, pengurusan projek dan mengikuti aktiviti yang disediakan di sekitar Daerah Temburong.

Maklumat lanjut dan pendaftaran konvensyen tersebut boleh didapati dengan melayari laman Sesawang www.bylconvention.com atau melalui laman sosial Instagram / Twitter / Facebook (@bylconvention).

Bengkel Tadabbur Al-Quran KUPU SB, 17 - 18 November



SIDANG Media Bengkel Tadabbur Al-Quran KHEU disampaikan oleh Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor selaku Setiausaha Bersama Bengkel tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 November. - Al-Quran adalah cahaya petunjuk kebenaran dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya, bukanlah sebuah kitab yang hanya dibaca, namun ia juga perlu difahami, ditadaburi, dihayati dalam kehidupan seharian, malah perlu diajarkan kepada masyarakat awam, terutama jemaah masjid.

Memetik kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, pada 29 Januari 1999, bertitah :
"Sekarang terdapat

kecenderungan memanfaatkan masjid sebagai pusat ilmu, iaitu suatu kecenderungan yang sihat. Maka kita pun bergerak mengadakan kutubkhanah atau mini kutubkhanah untuk orang ramai merujuk dan membaca kitab-kitab.

"Langkah ini, beta percaya, adalah satu cara yang baik ke arah memakmurkan masjid-masjid, akan tetapi, di samping itu juga, ia akan lebih berkesan lagi jika terdapat pula Pegawai-pegawai Masjid sendiri yang mampu menjadi guru kepada ramai, dalam makna mereka juga imam dan mereka juga muallim kepada jemaah masing-masing".

Sehubungan itu, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

(KUPU SB) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan mengadakan Latihan Training of Trainers kepada Pegawai-pegawai Masjid selama dua hari, dinamakan sebagai Bengkel Tadabbur Al-Quran KHEU.

Sidang Media bagi bengkel berkenaan diadakan di Bilik Hikmah KUPU SB, disampaikan oleh Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, JHEM, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor selaku Setiausaha Bersama Bengkel.

Menurutnya, Bengkel Tadabbur Al-Quran KHEU ini akan dilaksanakan di Dewan Tarbiyah KUPU SB selama dua hari, bermula dari 17 hingga 18 November 2020.

"Dijangkakan seramai 100 orang daripada kalangan Pegawai Masjid seluruh negara akan menyertai bengkel tersebut nanti. Manakala Pembengkel dan Fasilitator, terdiri daripada kalangan tenaga akademik KUPU SB," katanya.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk menjelaskan, kaedah tadabbur Al-Quran yang berkesan, selain untuk menerangkan metodologi pengajaran tadabbur Al-Quran di masjid, seterusnya melatih para Pegawai Masjid sebagai muallim mengajarkan tadabbur Al-Quran kepada jemaah masjid.

Semoga dengan adanya bengkel berupa Training of Trainers kepada Pegawai Masjid ini nanti akan menjadi platform bagi mereka untuk meningkatkan lagi kualiti bacaan Al-Quran dengan tadabbur juga kefahaman dalam pelbagai metodologi dan kaedah penyampaian pengajaran lebih menarik agar para Pegawai Masjid berperanan sebagai muallim dalam menyebarkan tadabbur Al-Quran kepada jemaah masjid.



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun ini meningkatkan profilnya di peringkat antarabangsa dengan melakar sejarah apabila Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam buat kali kedua berturut-turut mengungguli Anugerah Global Islamic Finance Award 2020 (GIFA 2020) bagi Kategori GIFA Market Leadership Award 2020 (Education in Islamic Banking and Finance).

UNISSA juga buat julung kalinya menyaksikan Kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam mendapat pengiktirafan dari Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM) apabila seramai sembilan graduan dianugerahkan Sijil Ahli Bersekutu dalam Kewangan Islam (Associate Qualification in Islamic Finance - AQIF).

Selain itu, buat julung kalinya juga UNISSA menghasilkan graduan keluaran pertama bagi Program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat; dan Program Sarjana

Kejayaan UNISSA memacu untuk terus dinamik, progresif

Sains Halal.

Bersempena Hafl Al-Takharruj Ke-10 UNISSA pada tahun ini, Mushaf UNISSA yang ditulis dengan tulisan tangan oleh anak tempatan mula digunakan sebagai pengganti cokmar Hafl Al-Takharruj UNISSA.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA dalam titah menyifatkan Majlis Haflut Takharruj UNISSA pada kali ini sangatlah bermakna dan bersejarah kerana bertepatan dengan 10 tahun UNISSA mengeluarkan graduannya, Mushaf UNISSA tulisan tangan, buat julung kalinya, telah dijulung dan diarak sebagai mengepalai perarakan Haflut Takharruj pada kali ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia gembira mengetahui, bahawa Mushaf UNISSA tersebut telah ditulis tangan dan direka bentuk sepenuhnya oleh anak tempatan. Ini adalah merupakan kejayaan sangat bermakna dan sekaligus menjulung syiar Islam di negara ini.

Jika diimbaz kembali sejarah penulisan Mushaf UNISSA, Kebawah DYMM telah

berkenan memulakan penulisan Surah Al-Fatihah Mushaf berkenaan pada 26 Zulkaedah 1432 Hijrah bersamaan 24 Oktober 2011, iaitu semasa Majlis Perasmian Mahrajan Hafl Al-Takharruj Pertama UNISSA.

Kemudian penulisan diteruskan oleh khattat (penulis) mushaf yang terdiri daripada kalangan anak-anak tempatan sendiri. Oleh yang demikian, ia memiliki keunikan dan keistimewaan yang tersendiri apabila setiap lembaran, termasuk hiasan kaligrafi dan reka bentuk pada bingkai halaman adalah hasil kreativiti anak-anak tempatan yang terlatih dan berkemahiran tinggi.

Sementara itu, bagi memastikan penulisan mushaf tersebut mematuhi kaedah penulisan yang ditetapkan, penelitian dan penyemakan dilakukan oleh Jawatankuasa Meneliti dan Menyemak Mushaf UNISSA, di mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada para huffaz, pakar-pakar Al-Quran dan Qiraat tempatan juga luar negara.

Kebawah DYMM juga bertitah bahawa UNISSA tidak dinafikan telah meraih banyak kejayaan dalam tempoh satu dekad Haflut Takharruj berlangsung. Namun ia bukanlah 'titik noktah' untuk berhenti berusaha. Kerana pendidikan, sifatnya

bukanlah mati, tetapi dinamik dan progresif.

"Keperluan pendidikan dalam satu dekad yang lalu adalah tidak sama dengan keperluan masa kini yang telah memasuki fasa digital. Dalam era digital, dunia pendidikan memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada sebelumnya," titah baginda.

Semasa Hafl Al-Takharruj tersebut juga Kebawah DYMM memperkenankan penubuhan Fakulti Teknologi Islam atau Faculty of Islamic Technology di UNISSA. Penerokaan baru oleh UNISSA ini adalah merupakan satu usaha proaktif bagi membongkar lebih banyak lagi khazanah keilmuan dari Al-Quran dan Al-Hadis.

Dengan penubuhan fakulti baharu tersebut, ia dihasratkan akan dapat mencetuskan penyelidikan yang bernilai tinggi dengan berasaskan kepada Al-Quran dan Al-Hadis terutamanya bagi meneroka ilmu baharu dalam bidang sains dan teknologi Islam. Di samping itu, diharap agar UNISSA akan terus berkembang maju dalam melahirkan para ulama dan cendekiawan baharu yang berwibawa selaras dengan keperluan negara dan menepati hasrat Kebawah DYMM yang mahu melihat UNISSA menjadi sebuah pusat pengajian tinggi Islam tulen.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penerangan



Tangani Diabetes dengan amalan gaya hidup sihat

DIABETES ialah penyakit jangka masa panjang yang disebabkan oleh badan tidak dapat menghasilkan insulin yang mencukupi dan tidak dapat menggunakan insulin dengan betul. Insulin ialah hormon yang mengawal paras gula dalam darah dengan membenarkan gula masuk ke dalam sel-sel dan menurunkan paras gula dalam darah.

Punca Diabetes menyerang individu tanpa mengira peringkat umur adalah kerana amalan gaya hidup yang tidak sihat dan pengambilan makanan yang tidak baik untuk kesihatan, selain turut berisiko menyerang anak damit baru lahir kerana pemakanan yang diambil oleh ibunya.

Penyakit Diabetes dapat dielakkan dengan melakukan tiga penjagaan utama bagi mengawal tahap gula dalam darah menghampiri tahap normal, iaitu mengambil makanan seimbang kerana pengambilan makanan berlebihan akan meninggikan tahap gula dalam darah; melakukan senaman fizikal yang dapat mengurangkan kandungan gula dalam

darah dan membantu insulin bekerja dengan lebih berkesan; dan mengurangkan berat badan.

Jenis Diabetes

Ada dua jenis Diabetes, iaitu Diabetes Jenis 1 dan Diabetes Jenis 2 :

Diabetes Jenis 1

Diabetes jenis ini adalah keadaan di mana badan (pankreas) tidak dapat menghasilkan insulin sendiri dan pesakit memerlukan suntikan insulin sepanjang hayatnya. Oleh itu, kita juga perlu memastikan makan makanan yang sihat, sering membuat aktiviti fizikal dan uji gula darah dengan rutin.

Lazimnya Diabetes Jenis 1 kena pada pesakit bermula sebelum umur 40 tahun, malah tidak terkecuali golongan remaja.

Diabetes Jenis 2

Diabetes jenis ini adalah keadaan di mana sel-sel badan tidak bertindak balas kepada insulin dengan berkesan dan badan tidak dapat menghasilkan insulin yang mencukupi untuk mengatasi kerintangan insulin.

Jenis Diabetes ini lebih biasa dijumpai

berbanding dengan Diabetes Jenis 1. Di seluruh dunia, 90 peratus pesakit Diabetes menghidap Diabetes Jenis 2.

Faktor-faktor risiko utama ialah berat badan berlebihan / obes dan tidak membuat aktiviti fizikal.

Kita juga perlu mengetahui bahawa Pra-Diabetes (paras gula darah yang lebih tinggi daripada julat biasa tetapi tidak cukup tinggi untuk diberi diagnosis Diabetes) meningkatkan risiko mendapat Diabetes. Jika ada Pra-Diabetes, perubahan gaya hidup boleh membawa paras gula darah awda kembali normal.

Sesetengah orang mungkin memerlukan ubat walaupun mereka telah membuat perubahan gaya hidup.

Kita perlu membuat pemeriksaan untuk Diabetes jika kita ada simptom-simptom menandakan Diabetes, contohnya, keletihan, sangat dahaga, sering membuang air kecil, sangat lapar, hilang berat badan, luka sembuh dengan perlahan dan penglihatan kabur.

Walaupun tiada simptom-simptom, kita patut diperiksa jika berat badan berlebihan atau obes dan mempunyai faktor-faktor

risiko seperti mempunyai ahli keluarga (ayah, ibu, kakak, abang) yang menghidap Diabetes, sejarah penyakit kardiovaskular, tekanan darah tinggi, pernah mengalami Diabetes gestasi, mengambil ubat-ubat tertentu, atau tidak banyak melakukan aktiviti fizikal.

HbA1c ialah ujian darah yang menunjukkan purata paras gula darah untuk jangka masa tiga bulan sebelumnya. Ujian ini tidak sesuai jika kita ada keadaan-keadaan tertentu yang boleh membuatkan ujian ini kurang tepat seperti kehamilan, berumur kurang daripada 18 tahun, mengambil tambahan zat besi, atau mempunyai hemoglobin yang tidak biasa dijumpai.

Jika Diabetes tidak dikawal dengan baik, pelbagai komplikasi akan berlaku terhadap semua organ tubuh badan, seperti strok, buta, kerosakan buah pinggang, gangguan fungsi seksual dan amputasi pada kaki.

Penyakit Diabetes boleh dicegah seandainya masyarakat peka untuk menjaga kesihatan dan mengamalkan pemakanan yang sihat serta kurangkan gula dalam makanan dan minuman seharian.





Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

Didik pelajar membaca Al-Quran secara fasih, lancar, bertajwid

AL-QURAN merupakan kitab suci yang diturunkan kepada nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengandungi semua aspek ilmu dunia dan akhirat. Orang yang pandai menguasai kandungan Al-Quran seperti banyak membacanya, memahami maksudnya dan mengamalkan isi kandungannya sememangnya dipandang mulia oleh Islam.

Sebagai sebuah Negara Zikir, Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan pembelajaran Al-Quran untuk semua lapisan masyarakatnya yang beragama Islam secara formal sejak sekian lamanya. Perkara berkaitan dengan pembelajaran Al-Quran secara formal telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah / maktab kerajaan dan swasta.

Pembelajaran Al-Quran Secara Formal

Perkara berkaitan dengan pembelajaran Al-Quran secara formal pada peringkat sekolah menengah / maktab kerajaan dan swasta ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda semasa Majlis Musababah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi yang diadakan pada 10 Jamadilawal 1440H bersamaan 14 Februari 2019M di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Kebawah Duli Yang Maha Mulia

antara lain bertitah :

"Beta berharap, perkara pembelajaran Al-Quran ini juga hendaklah diteruskan di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan dan sekolah swasta. Beta ingin melihat, pelajar-pelajar bukan sahaja diberikan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam, tetapi juga secara khusus diberikan pelajaran Al-Quran".

Melalui titah tersebut, baginda mengharapkan supaya pembelajaran Al-Quran secara formal diteruskan bagi pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah, khususnya bermula dari Tahun 9 sebagai kesinambungan daripada apa yang dipelajari semasa di sekolah agama khas.

Pada menjunjung titah tersebut, maka pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif bersama dengan mengadakan perbincangan-perbincangan sehinggalah program pembelajaran Al-Quran dapat dilaksanakan bermula tahun 2020.

Matlamat / Objektif

Matlamat pembelajaran Al-Quran adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar celik Al-Quran yang dapat membaca ayat-ayat Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid serta untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian. Manakala objektif pembelajarannya pula ialah supaya pelajar dapat membaca Al-Quran dengan fasih, lancar dan bertajwid, selain mereka dapat menghalusi hafazan surah-surah lazim (Surah

Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas) dengan bacaan yang fasih, lancar dan bertajwid.

Sasaran pembelajaran Al-Quran ialah pelajar Tahun 9, 10 dan 11, iaitu sebagai kesinambungan daripada apa yang telah dipelajari di sekolah agama (Darjah 6 di sekolah agama bersamaan dengan Tahun 8 di sekolah menengah).

Pada tahun ini (2020), pembelajaran Al-Quran dilaksanakan secara serentak bagi peringkat Tahun 9, 10 dan 11 di kesemua sekolah menengah kerajaan dan swasta dengan peruntukan satu waktu (25 - 30 minit) seminggu yang diambil dari peruntukan waktu mengajar mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam yang sedia ada dengan menggunakan kurikulum peralihan.

Kemudian, bermula tahun 2021, pembelajaran Al-Quran akan dilaksanakan sebagai satu mata pelajaran berasingan, iaitu dikenali sebagai mata pelajaran Al-Quran dengan peruntukan satu waktu (25 - 30 minit) seminggu menggunakan sukatan pelajaran tetap.

Pembelajaran akan dilaksanakan secara berperingkat, iaitu pada tahun 2021 bagi pelajar Tahun 9; tahun 2022 bagi pelajar Tahun 10 dan tahun 2023 bagi pelajar Tahun 11.

Perancangan

Sementara itu, bagi memastikan matlamat pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan

swasta di seluruh negara dapat dicapai, beberapa perkara telah dilaksanakan :

i. Sukatan pelajaran dirancang dan direka bentuk dengan mengambil kira kesinambungan sukatan mata pelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah agama, khususnya di peringkat Darjah VI.

ii. Program-program perkembangan profesional dan latihan guru yang berhubung kait dengan pelajaran Al-Quran, telah dan akan dilaksanakan secara berterusan bagi semua guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah menengah / maktab-maktab kerajaan dan swasta. Program perkembangan profesional ini dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

iii. Penilaian dan pemantauan akan sentiasa dijalankan bagi memastikan pembelajaran Al-Quran dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai matlamat yang dihasratkan.

Al-Quran diturunkan sebagai pegangan, pedoman, petunjuk dan rujukan setiap insan agar hidup sejahtera, aman, tenteram dan selamat di dunia dan akhirat. Semoga dengan terlaksananya pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah ini bukan hanya akan dapat melahirkan pelajar-pelajar celik Al-Quran tetapi juga mewujudkan belia yang bertanggungjawab ke arah pembangunan negara mengikut ajaran Islam.





Rakyat Armenia teruskan tunjuk perasaan terhadap perjanjian Karabakh

MOSCOW, 13 Nov. - Lebih 60 orang ditangkap pada Khamis ketika tunjuk perasaan antikerajaan di ibu negara Armenia

berikutan perjanjian damai yang mengakhiri konflik bersenjata selama berminggu-minggu di Karabakh.

Ribuan orang berkumpul di

Dataran Kebebasan di Yerevan dan meminta pemerintah meletak jawatan pada tunjuk perasaan yang dianjurkan oleh parti pembangkang, lapor agensi Anadolu.

Antara yang dilaporkan ditangkap adalah pemimpin Parti Armenia Sejahtera Gagik Tsarukyan, bekas timbalan speaker parlimen Ara Sahakian dan Eduard Sharmazanov serta bekas Pengarah Perkhidmatan

Keselamatan Negara Artur Vanetsyan.

Tunjuk perasaan antikerajaan diadakan di negara itu sejak Azerbaijan dan Armenia menandatangani perjanjian pada 10 November untuk menghentikan pertempuran di Nagorno-Karabakh.

Sementara itu, dalam ucapan kepada rakyat Armenia, Perdana Menteri Nikol Pashinyan berkata, "Armenia dan rakyatnya sedang

berhadapan hari-hari yang getir." "Ada kesedihan di hati kita semua, tangisan di mata kita semua, kesakitan di jiwa kita semua.

"Lebih 20,000 tentera dan pegawai Armenia sedang dikelilingi pasukan musuh, tentunya mereka berhadapan kemungkinan dibunuh atau ditangkap" sekiranya kesepakatan itu belum ditandatangani, tambahnya. - ©BERNAMA

Sao Paulo jadi tuan rumah Grand Prix Formula Satu sehingga 2025

SAO PAULO, 13 Nov. - Sao Paulo, Brazil telah mencapai kesepakatan untuk menjadi tuan rumah Grand Prix Formula Satu dari 2021 hingga 2025 di Litar Interlagos, kata Gabenor Sao Paulo Joao Doria.

"Saya dengan bangga mengumumkan kontrak untuk Grand Prix Brazil telah diperbaharui sehingga 2025," kata Doria semasa sidang media.

Kontrak itu akan ditandatangani oleh syarikat Liberty Media, yang memiliki hak komersial untuk acara tersebut, dan Gabenor Sao Paulo, agensi berita China Xinhua memetik Doria.

Sukan permotoran Formula Satu telah mengeluarkan jadual tentatif untuk musim 2021 dengan 23 perlumbaan minggu ini, termasuk Grand Prix Brazil di Interlagos pada 14 November. Grand Prix Brazil 2020 dibatalkan berikutan pandemik COVID-19, kali pertama ia tidak dianjurkan sejak 1973. - ©BERNAMA

7 maut dalam letupan kilang di Utara China

SHIJIAZHANG, 13 Nov. - Tujuh terbunuh dan seorang lagi cedera dalam letupan di sebuah kilang polietilena wilayah Hebei, utara China, kata pemerintah tempatan pada Jumaat. Letupan berlaku kira-kira jam 6.00 petang Khamis di wilayah Wuji, menurut pemerintah daerah.

Pasukan penyelamat segera bergegas ke tempat kejadian, lapor agensi berita Xinhua. Kerja mencari dan menyelamat secara amnya selesai. Siasatan mengenai punca letupan masih dijalankan. - ©BERNAMA

Australia akan tubuh institut perkukuh penyelidikan pencegahan pandemik masa depan

SYDNEY, 13 Nov. - Institut Penyakit Berjangkit Australia akan ditubuhkan di Melbourne, bandar kedua terbesar dan pusat penyelidikan dan pembuatan bioperubatan, lapor agensi berita Xinhua.

Menurut kenyataan akhbar dari negeri Victoria, institut ini, yang dirancang untuk menyediakan semua yang diperlukan oleh penyelidik untuk mengesan, menganalisis, mengurus dan merawat penyakit berjangkit, akan bekerjasama dengan institusi penyelidikan, universiti dan pengeluar yang ada di Victoria, dan akan memperkukuh keupayaan negeri dan negara secara keseluruhan dalam menangani pandemik masa depan.

Institut ini akan merangkumi makmal generasi berikutnya dan kemudahan rintangan tinggi yang akan membantu penyelidik meningkatkan pemahaman mengenai penyakit berjangkit, dengan kemudahan robot biobank yang akan memastikan amalan terbaik antarabangsa untuk penyimpanan spesimen dalam ujian klinikal berskala besar.

"Institut Penyakit Berjangkit Australia akan menyediakan segala keperluan yang membolehkan penyelidik perubahan Victoria bertaraf dunia membuat penemuan inovatif yang akan mengubah kehidupan dan menyelamatkan nyawa," kata Menteri Inovasi, Penyelidikan Perubatan dan Ekonomi Digital Jaala Pulford.

Kerajaan negeri Victoria akan menyumbang 155 juta dolar Australia (kira-kira US\$112.11 juta) untuk jumlah kos institusi ini iaitu sekitar 550 juta dolar Australia (sekitar US\$397,8 juta). University of Melbourne dan rakan-rakannya akan menyumbang 150 juta dolar Australia (kira-kira US\$108.49 juta) dan baki dana akan dimohon dari kerajaan persekutuan.

Setelah beroperasi, institut ini akan menyediakan sokongan besar-besaran untuk sektor bioperubatan dan dapat menyediakan hingga 5,000 pekerjaan, termasuk hingga 850 pekerjaan di institut itu sendiri, menurut kenyataan akhbar itu. - ©BERNAMA

China, ASEAN mahukan sinergi lebih rapat

BEIJING, 13 Nov. - Dagangan antara China dengan ASEAN menyaksikan lonjakan pada tiga suku pertama tahun ini, hingga menjadikan ASEAN rakan dagang terbesar bagi China.

Sementara itu, jumlah pelaburan China di ASEAN merekodkan peningkatan melepasi 70 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, biarpun ekonomi global mengalami kelembapan dan aliran warga rentas negara terbantut ekoran penularan COVID-19.

Perdana Menteri China, Li Keqiang berkata demikian pada sidang kemuncak China-ASEAN (10+1) ke-23 diadakan secara maya, semalam. Li berkata, China

dan ASEAN berganding bahu dan berjuang seiringan untuk memerangi pandemik COVID-19.

China akan secara aktif mempertimbangkan keperluan negara-negara ASEAN terhadap vaksin COVID-19, di samping memastikan jaringan perhubungan kecemasan kesihatan awam China-ASEAN dilancarkan seawal mungkin dan Forum Kerjasama Kesihatan China-ASEAN ketiga dianjurkan dengan jayanya.

China mengalu-alukan perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang bakal dimeterai, bersedia bersama-sama ASEAN melaksanakan perjanjian

perdagangan bebas dengan baik, meningkatkan kemudahan dan liberalisasi perdagangan dan pelaburan, dan membina rangkaian "laluan pantas" di rantau ini.

Pemimpin ASEAN melahirkan penghargaan atas keputusan China menawarkan vaksin yang dibangunkannya sebagai produk awam global, serta kesediaan untuk mempertingkatkan penyelarasan strategi pembangunan dengan China sambil mengintensifkan usaha sama melibatkan sosiobudaya, ekonomi digital, pembasmian kemiskinan, keselamatan bahan makanan dan perubahan iklim. - ©BERNAMA

Syarikat farmasi Korea Selatan akan hasilkan 150 juta dos vaksin COVID-19 Rusia, kata RDIF

MOSCOW, 13 Nov. - Dana Pelaburan Langsung Rusia (RDIF) pada Jumaat berkata ia telah menandatangani perjanjian dengan syarikat bio-teknologi Korea Selatan GL Rapha untuk menghasilkan lebih 150 juta dos vaksin Sputnik V di Korea Selatan setiap tahun, lapor agensi berita Sputnik.

"Kedua-dua pihak bercadang untuk memulakan pengeluaran pada Disember 2020 dan pelancaran vaksin Sputnik V pada

Januari 2021.

Memetik analisis sementara pertama hasil ujian klinikal fasa 3 Sputnik V yang melibatkan 40,000 orang sukarelawan, RDIF mendakwa keberkesannya ialah 92 peratus.

"Sputnik V adalah berasaskan platform vektor adenoviral manusia yang selamat dan berkesan. Oleh sebab pandemik ini masih belum berakhir, lebih banyak negara mengenal pasti platform vektor adenovirus

manusia dan merancang untuk memasukkan vaksin ini dalam portfolio vaksin nasional mereka," kata Ketua Pegawai Eksekutif RDIF Kirill Dmitriev.

Menurut kenyataan akhbar itu, RDIF telah menerima permintaan lebih 1.2 bilion dos vaksin daripada lebih 50 negara dan mempertimbangkan untuk meningkatkan kemampuan pengeluarannya di luar negara. - ©BERNAMA

WICV dorong transformasi industri automobil

BEIJING, 13 Nov. - Pembangunan kenderaan pintar menjadi hala tuju strategik penting dalam proses mentransformasikan dan menaik taraf industri automobil.

Pada Persidangan Kenderaan Jaringan Pintar Dunia (WICV) 2020 yang sedang berlangsung di sini, majoriti peserta ketika ditemui bersependapat syarikat China perlu meningkatkan kerjasama dengan negara lain dalam sektor itu. Menurut mereka, ia bagi memastikan piawai China diiktiraf di arena antarabangsa melalui inovasi teknologi dan kemajuan berorientasikan

pasaran.

Presiden Lembaga Pengarah Kumpulan Automobil Chang'an China, Zhu Huarong berkata, kenderaan menjadi platform pintar mudah alih dalam kehidupan manusia dan boleh digunakan sebagai pengurus perjalanan, penjaga keselamatan, pengurus kehidupan dan pembantu pekerjaan.

Tambahnya, kenderaan juga akan berperanan sebagai terminal pintar mudah alih, pembawa yang memuat data-data dan ruangan serba guna mudah alih untuk menyediakan suasana berkualiti tinggi dalam pekerjaan dan kehidupan, serta menyediakan

pelan penyelesaian yang berkaitan. Untuk rekod, beberapa tahun kebelakangan ini, banyak tempat di China giat mempromosikan pembangunan industri automobil jaringan pintar.

Sebagai contoh, sebanyak 200 buah laluan kereta ujian awam sepanjang 700 kilometer telah disediakan di Beijing, selain 87 buah kereta yang dikeluarkan 14 buah syarikat turut ditawarkan plat kenderaan ujian. Zon percubaan kenderaan tanpa pemandu kawalan berasaskan awan peringkat tinggi pertama di dunia juga dibina di Beijing pada tahun ini. - ©BERNAMA



Presiden Moon, Biden sahkan semula komitmen perkukuh pakatan, keamanan Korea

SEOUL, 12 Nov. - Presiden Korea Selatan Moon Jae-in pada Khamis menghubungi presiden terpilih Amerika Syarikat (AS) Joe Biden dan kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen mengenai pakatan Seoul-Washington, lapor agensi berita Yonhap.

"Kami mengesahkan kembali komitmen pakatan Korea-AS dan Semenanjung Korea yang aman dan makmur," ciap Moon di Twitter.

Tambah beliau, "pada masa depan saya akan bekerjasama rapat dengannya untuk menghadapi cabaran global termasuk COVID-19 dan perubahan iklim."

Ia berbincangan melalui telefon pertama mereka sejak Biden

diisytiharkan memenangi pilihan raya presiden AS minggu lalu.

Terdahulu, Moon mengeluarkan satu kenyataan yang melahirkan harapan untuk pakatan yang lebih kuat antara kedua-dua negara dan meneruskan kerjasama dua hala dalam mewujudkan Semenanjung Korea yang bebas senjata nuklear dan keamanan serantau.

Pada hari sama beliau turut dilaporkan mengadakan perbincangan melalui telefon dengan Perdana Menteri Jepun Yoshihide Suga, diikuti pemimpin Kanada dan Eropah.

Biden telah menyatakan sebagai presiden beliau akan berusaha untuk mengeratkan lagi hubungan

Amerika Syarikat dengan sekutu tradisionalnya, termasuk Korea Selatan.

"Sebagai Presiden, saya akan berdiri bersama Korea Selatan, memperkuat pakatan kita untuk menjaga keamanan di Asia Timur dan seterusnya, daripada mengugut Seoul dengan ancaman melulu untuk memindahkan tentera kita," katanya dalam satu kenyataan khas yang disediakan eksklusif kepada Yonhap sebelum pilihan raya presiden berlangsung.

Terdahulu, anggota jawatankuasa Tetap Majlis Keselamatan Nasional Cheong Wa Dae (Pejabat Presiden) membincangkan perkembangan pilihan raya berkenaan dan cara untuk mengekalkan serta mengembangkan lagi hubungan

Korea Selatan-AS berdasarkan pakatan dua hala.

Sesi di Cheong Wa Dae ini dipengerusikan oleh Pengarah Keselamatan Negara Suh Hoon.

Mereka juga membincangkan langkah-langkah untuk "mencapai keamanan berkekalan

di Semenanjung Korea," menurut Cheong Wa Dae. - ©BERNAMA

"Karnival 11.11" 2020 China saksi peningkatan jualan barangan import

BEIJING, 12 Nov. - Karnival Beli-belah Dalam Talian "11.November" ("Karnival 11.11") 2020 yang berakhir 12 tengah malam tadi menyaksikan peningkatan luar biasa penjualan barangan import di China.

Menurut statistik, dilaporkan sebanyak 25,000 pedagang asing menjalankan aktiviti promosi menerusi platform Tmall Antarabangsa dan sebanyak 1.2 juta barangan yang melibatkan lebih 2,600 jenama baharu asing buat kali pertama dijual menerusi platform itu.

Jumlah tersebut secara tidak langsung menjadikan keseluruhan

nilai perdagangan yang terhasil menerusi platform Tmall Antarabangsa meningkat 47.3 peratus dari 1 November hingga 12 tengah malam 11 November

Sepanjang berlangsungnya karnival dikenali 'Aktiviti Beli-Belah Terbesar Dunia' oleh Bloomberg itu, penjualan bagi 180 produk jenama asing melebihi RMB10 juta (RM6.2 juta), sementara penjualan lebih 810 barangan jenama asing dilaporkan melebihi RMB1 juta (RM620 ribu).

Dalam pada itu, lebih 500,000 barangan import dari lebih 100 negara dan wilayah dijual

menerusi platform JD Antarabangsa dalam "Karnival 11.11" ini.

10 jenama mewah paling popular di dunia bukan sahaja turut mempromosikan produk baharu mereka, bahkan mengadakan majlis pelancaran produk baharu dalam tempoh "Karnival 11.11" di China.

Untuk rekod, susulan permintaan tinggi oleh pedagang dan pelanggan, tempoh penjualan "Karnival 11.11" dilanjutkan kepada dua pusingan iaitu 1 hingga 3 November bagi pusingan pertama, manakala pusingan kedua dan kemuncak pada 11 November. - ©BERNAMA

Biden umum pilihannya untuk Ketua Turus Rumah Putih

WASHINGTON, 12 Nov. - Presiden Amerika Syarikat yang dipilih Joe Biden pada Rabu mengumumkan Ron Klain bakal berkhidmat sebagai Ketua Turus di Rumah Putih, lapor agensi Anadolu.

Sebagai pembantu yang telah lama bersama Biden, Klain akan memantau Pejabat Eksekutif Presiden dan berkhidmat sebagai penasihat kanan.

"Ron sangat penting kepada saya, berada disisi saya, sejak bertahun-tahun kami bekerjasama, termasuk ketika kami menyelamatkan ekonomi Amerika daripada kemerosotan terburuk dalam sejarah pada 2009 dan

ketika darurat kesihatan awam pada 2014," kata Biden dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pengalaman, kemampuan mendalam dan keupayaan Klain untuk bekerja dengan orang-orang di seluruh spektrum politik adalah apa yang saya perlukan sebagai Ketua Turus Rumah Putih ketika kita menghadapi saat krisis ini dan menyatukan kembali negara kita.

Klain berkata beliau berbesar hati berkhidmat untuk Biden dan berharap dapat membantunya dan Naib Presiden dipilih Kamala Harris.

Pelantikan Klain, 59 adalah yang pertama bagi Biden, yang

memenangi persaingan presiden 3 November menentang pesaingnya dari Republikan, Donald Trump.

Dari 2009-2011, Klain adalah Ketua Turus Biden di bawah pentadbiran bekas Presiden Barack Obama dan sebelumnya berkhidmat sebagai ketua turus kepada Naib Presiden Al Gore semasa pemerintahan Clinton.

Beliau juga memantau tindak balas pentadbiran Obama terhadap wabak Ebola di Afrika Barat pada akhir 2014 dan awal 2015.

Klain menyertai kempen presiden Biden tahun ini sebagai penasihat kanan. - ©BERNAMA

Presiden Ukraine dimasukkan ke hospital kerana COVID-19

KYIV, 12 Nov. - Presiden Ukraine Volodymyr Zelenskyy, yang disahkan positif COVID-19, kini menerima rawatan di hospital dan meneruskan tugasnya dari sana, lapor agensi berita Sputnik memetik pejabat presiden pada Khamis.

Pada Isnin, Zelenskyy berkata beliau telah didiagnosis dengan COVID-19 dan akan menjalankan kuarantin sendiri. Ketua pejabatnya, Andriy Yermak, turut disahkan positif.

"Semuanya diatur dengan ketat oleh protokol. Mereka (Zelenskyy dan Yermak) berada di Feofaniya (hospital di Kyiv). Ada pejabat khas yang lengkap membolehkan presiden mengadakan mesyuarat ... Beliau berada di wad yang diasingkan, dan mempunyai barisan pentadbiran yang selamat di sana," kata penasihat pejabat presiden Mykhailo Podolyak kepada akhbar Ukrayinska Pravda.

Yermak juga berada di bilik yang diasingkan. Mereka berkomunikasi antara satu sama lain melalui telefon, tambah pegawai itu. - ©BERNAMA

Jumlah kes COVID-19 dunia melebihi 52 juta - Johns Hopkins University

MOSCOW, 12 Nov. - Jumlah kes COVID-19 yang disahkan di seluruh dunia telah melebihi 52 juta, lapor agensi berita Sputnik, memetik Johns Hopkins University.

Jumlah sebenar kes COVID-19 berjumlah 52,041,441 pada 01:50 GMT hari Khamis. Lebih daripada 1.28 juta orang telah meninggal dunia kerana penyakit ini, kata universiti itu.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac. Sebahagian besar kes setakat ini telah direkodkan di Amerika Syarikat, India dan Brazil. - ©BERNAMA

Seramai 36,000 pengkarya rebut peluang sempena Pertandingan Video Pendek China-ASEAN

BEIJING, 12 Nov. - Pertandingan Video Pendek Persahabatan dan Kerjasama China-ASEAN yang dianjurkan julung kali mendapat sambutan memberangsangkan dalam kalangan pengkarya, menyaksikan lebih 36,000 penyertaan diterima.

Menurut Misi China ke ASEAN semalam, seorang pemenang pingat emas, masing-masing dua perak dan gangsa, 20 hadiah kecemerlangan dan 50 peserta telah disenarai pendek.

Pemilihan dibuat dengan teliti oleh juri yang terdiri pakar media.

Selain itu, sejumlah karya bakal ditayangkan sempena sidang pemimpin kerjasama Asia Timur 2020 yang dijadual berlangsung pada 12 hingga 15 November.

Antara kisah yang diceritakan dalam karya video itu termasuk kerjasama pragmatik China dan ASEAN, kebudayaan, keenakan masakan dan persahabatan bersejarah antara satu sama lain, serta pelancongan dalam talian ke bandar yang mempesona.

Video "Di Seberang Laut" oleh Stesen Televisyen Filipina-China yang menggambarkan perpaduan dan keberanian rakyat kedua-dua negara berhadapan pandemik COVID-19 berjaya memperoleh emas dalam pertandingan itu. - ©BERNAMA



COVID-19: Ketua Misi Pengaman PBB disahkan positif, kes Iran melepasi 700,000

BEIJING, 11 Nov. - Setiausaha Agung PBB untuk Operasi Damai Jean-Pierre Lacroix telah disahkan positif COVID-19, kata Stephane Dujarric, jurucakap Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres, pada Selasa, lapor agensi berita Xinhua.

Dalam satu taklimat media biasa pada tengah hari, Dujarric memberitahu wartawan diagnosis dibuat ketika Lacroix berada

di Portugal, ketika beliau dijadualkan menghadiri pertemuan mengenai Resolusi 1325 Majlis Keselamatan.

Di Kaherah, jumlah kes COVID-19 Iran melebihi angka 700,000 pada Selasa ketika keadaan pandemik semakin

memburuk di republik Islam itu. Sementara itu, pegawai kanan Palestin Saeb Erekat meninggal dunia setelah bergelut dengan COVID-19.

Iran, negara Timur Tengah yang paling teruk dilanda pandemik, melaporkan 10,339 kes COVID-19 baharu pada Selasa, menjadikan jumlah keseluruhan negara itu kepada 703,288.

Pandemik setakat ini meragut 39,202 nyawa di Iran, meningkat 453 orang dalam tempoh 24 jam terakhir, kata Sima Sadat Lari, jurucakap Kementerian

Kesihatan dan Pendidikan Perubatan Iran.

Di Sudan pula, Pemangku Menteri Kesihatan Sudan dan dua pegawai kanan Kementerian Kesihatan dijangkiti COVID-19, umum kementerian itu pada Selasa.

"Pemangku Menteri Kesihatan Sudan Osama Ahmed Abdul Rahim bersama pengarah pentadbiran umum untuk perawatan kesihatan asas dan pengarah pentadbiran am perubatan terapeutik telah disahkan positif COVID-19," kata

kementerian itu dalam satu kenyataan.

Sementara, Maghribi pada Selasa mengumumkan sebanyak 5,214 kes COVID-19 baharu, menambah jumlah kes di negara Afrika Utara sejak 2 Mac kepada 265,165.

Jumlah pemulihan dari COVID-19 di Maghribi meningkat kepada 216,851 dengan tambahan 3,946 kes, manakala jumlah kematian meningkat 69 kepada 4,425 kata Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan. -

©BERNAMA

EU akan beli sehingga 300 juta dos vaksin BioNTech / Pfizer

BRUSSELS, 11 Nov. - Kesatuan Eropah (EU) akan membenarkan kontrak untuk pembelian sehingga 300 juta dos vaksin COVID-19 yang dibangunkan bersama oleh syarikat Jerman BioNTech dan rakannya dari Amerika, Pfizer, lapor agensi berita Xinhua, memetik Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen pada Selasa.

"Ini adalah vaksin yang paling meyakinkan setakat ini," ciapnya di Twitter. Kontrak tersebut, yang akan dimeterai pada Rabu, akan menjadi kontrak keempat yang dijamin EU dengan syarikat farmasi untuk pembelian vaksin COVID-19.

Calon vaksin BioNTech / Pfizer terbukti lebih daripada 90 peratus berkesan dalam mencegah jangkitan COVID-19 kepada peserta yang tidak ada jangkitan SARS-CoV-2 sebelumnya, umum dua syarikat itu pada Isnin.

Ketika dunia sedang berjuang untuk membendung COVID-19, negara-negara termasuk Jerman, China, Rusia, Inggeris dan Amerika Syarikat berlumba-lumba mencari vaksin.

Menurut laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pada 3 November, terdapat 202 calon vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkan di seluruh dunia, dan 47 daripadanya dalam ujian klinikal. - ©BERNAMA

Pelancong berkumpul di puncak Doi Inthanon nikmati cuaca sejuk

CHIANG MAI, 11 Nov. - Pelancong naik ke puncak gunung Doi Inthanon untuk menyaksikan pemandangan matahari terbit yang menakjubkan pada musim sejuk ini dengan suhu terendah di puncak tersebut pada tujuh darjah Celsius, lapor agensi berita Thailand (TNA).

Puncak gunung tertinggi di negara ini yang terletak di daerah Chom Thong di Chiang Mai penuh sesak dengan para pelancong ketika cuaca dingin menyelimutinya.

Lokasi pemandangan Kew Mae Pan di puncak gunung adalah tempat paling popular buat pelancong berkumpul untuk melihat matahari terbit dan lautan berkabus yang pertama kali muncul dengan jelas di atas kanopi pokok pada musim sejuk pagi ini.

Kira-kira 1,000 pelancong tiba di sana pada hari bekerja dan sebanyak 5,000 pelawat pada hujung minggu. - ©BERNAMA

Bahrain berkabung berikutan kematian Perdana Menteri Khalifa bin Salman Al Khalifa

MOSCOW, 11 Nov. - Bahrain berkabung selama seminggu berikutan kematian Perdana Menteri Khalifa bin Salman Al Khalifa, 84, yang meninggal dunia pada Rabu pagi di Mayo Clinic Hospital, Amerika Syarikat, lapor agensi berita BNA.

Istiadat pengebumian akan dijalankan sebaik jenazah tiba di Bahrain dan hanya waris terdekat dijangka hadir. Raja Bahrain Raja Hamad bin Isa Al Khalifa turut mengarahkan bendera dikibar separuh tiang.

Kementerian dan jabatan kerajaan akan ditutup tiga hari mulai Khamis. - ©BERNAMA

Lebih ramai letak jawatan selepas Trump pecat Ketua Pertahanan

WASHINGTON, 11 Nov. - Pentagon mengumumkan lebih ramai meletakkan jawatan pada Selasa, sehari selepas Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump menulis di Twitter mengenai pemecatan Setiausaha Pertahanan Mark Esper, lapor Agensi Anadolu.

"Hari ini, Pemangku Setiausaha Pertahanan untuk Dasar Dr. James Anderson, Ketua Setiausaha Pertahanan untuk Perisikan dan Keselamatan Joseph Kernan dan Ketua Turus kepada Setiausaha Pertahanan Jen Stewart menyerahkan surat peletakan jawatan," katanya dalam satu kenyataan.

Ketiga-tiganya mengumumkan

pengunduran mereka berkuat kuasa serta-merta.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Anderson, Laksamana Kernan, dan Jen Stewart atas khidmat mereka kepada negara dan Jabatan," kata Pemangku Setiausaha Pertahanan Christopher Miller.

"Sepanjang karier mereka, masing-masing telah memberikan sumbangan besar kepada pertahanan negara dan masa depan Jabatan Pertahanan. Kami mendoakan yang terbaik dalam usaha mereka seterusnya," tambahnya.

Menurut kenyataan itu, Anthony Tata, Ezra Cohen-Watnick dan Kash Patel telah dinaikkan pangkat

ke jawatan tersebut.

Trump pada Isnin berkata beliau telah "memecat" Esper dan menggantikannya dengan Miller, yang bertugas sebagai Pengarah Pusat Pencegahan Keganasan Nasional.

Miller, bekas pegawai Pasukan Khas Tentera Darat, kini menjadi orang kelima yang memimpin Jabatan Pertahanan selama hampir empat tahun pentadbiran Trump.

Keputusan Trump untuk menyingkirkan Esper dibuat hanya dua hari selepas beliau dikatakan kalah dalam persaingan Rumah Putih tahun ini dengan lawan dari Demokrat Joe Biden, yang kini terpilih sebagai presiden. -

©BERNAMA

Erdogan, Putin bincang isu Karabakh, Syria

ANKARA, 11 Nov. - Presiden Turki Recep Tayyip Erdogan pada Selasa berbincang dengan rakan sejawatannya dari Rusia Vladimir Putin mengenai hubungan dua hala dan perkembangan serantau termasuk isu Karabakh dan Syria.

Menurut kenyataan Presiden Turki, dalam perbincangan menerusi telefon itu Erdogan berkata langkah yang diambil Rusia dalam menangani isu Nagorno-Karabakh sememangnya tepat, lapor Agensi Anadolu.

Tambah Erdogan "paling

penting pada saat ini ialah Armenia mesti mematuhi gencatan senjata dan komitmen yang terkandung dalam kesepakatan bersama" yang ditandatangani Azerbaijan dan Armenia itu.

Turki bersama Rusia "akan memantau dan mengawasi aktiviti" berkaitan gencatan senjata melalui Pusat Bersama yang akan diwujudkan di wilayah yang dibebaskan dari penjajahan Armenia. Lokasi pusat itu akan ditentukan Azerbaijan.

Putin pada Selasa mengumumkan dua bekas republik

Soviet itu telah menandatangani perjanjian untuk mengakhiri konflik di Nagorno-Karabakh.

Presiden Azerbaijan Ilham Aliyev menyambut baik kesepakatan itu dan anggap ia satu kemenangan kepada negaranya.

Kepimpinan Turki juga menyambut baik gencatan senjata itu, dan menyifatkan sebagai "kemenangan besar" Azerbaijan.

Hubungan Azerbaijan dan Armenia sudah tegang sejak 1991, menyaksikan pertempuran baharu meletus pada 27 September. -

©BERNAMA



Memperkasa sukan bola jaring

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

SEBAGAI salah satu usaha meningkatkan perkembangan sukan bola jaring di negara ini, Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) ditubuhkan dengan misi, mengangkat sukan bola jaring ke satu tahap sebagai sukan teras di negara ini dan bergiat aktif di arena antarabangsa. BNA dengan visi memperkembangkan sukan bola jaring di negara ini dari kalangan kanak-kanak yang berumur seawal 12 tahun.

Sejarah Awal
BNA ditubuhkan pada tahun 1990 yang diasaskan oleh Dayang Hajah Mariam binti Haji Mohammad. Ahli komiti persatuan terdiri daripada Yang Di-Pertua BNA, Leftenan Kolonel (B) Dayang Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili; Naib Yang Di-Pertua; Setiausaha Kehormat; Setiausaha I dan II; Bendahari; Teknikal; IC

Perlawanan; IC Perkembangan; IC Media; Umpire; dan wakil-wakil dari keempat-empat daerah. Persatuan ini juga menerima sebanyak 23 pasukan bola jaring yang bernaung di bawah BNA.

Pencapaian
Pencapaian yang diperoleh oleh persatuan ini ialah berjaya menubuhkan Pasukan Kebangsaan pada tahun 2012. BNA juga diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi dua kejohanan bola jaring peringkat serantau dan antarabangsa, iaitu Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia 2013 dan Kejohanan Piala Borneo 2015.

Persatuan ini juga diberi kepercayaan bagi memantau aktiviti pertandingan bola jaring di negara ini dan juga secara aktif mengadakan Perlawanan Liga Bola Jaring Wanita setiap dua tahun bagi mencari

bakat-bakat baharu dalam sukan berkenaan. Di samping itu, BNA juga telah berjaya menaik taraf pengadil-pengadil (Umpire) bola jaring dari tahap Level ke 'B' dan 'C Badge' yang diiktiraf oleh Persekutuan Bola Jaring Asia.

Di arena serantau dan antarabangsa, persatuan ini menyerlah apabila berjaya mendapat pingat-pingat gangsa pada Sukan SEA 2015, Republik Singapura; Sukan SEA 2017, Kuala Lumpur, Malaysia; dan juga Sukan SEA 2019, Manila, Republik Filipina. Di samping itu juga persatuan ini juga berjaya meraih Pingat Perak dalam Kejohanan Under 21 Asian Youth 2016, Republik Korea. Pencapaian yang membanggakan pada tahun ini ialah apabila BNA diiktiraf sebagai ahli tetap dalam Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa pada April yang lalu.

BNA secara berterusan mengembangmajukan sukan bola jaring dengan memberi pendedahan kepada atlet-atlet bola jaring demi mempertingkatkan kemahiran dari segi teknik dan sebagainya dalam sama-sama mempertingkatkan mutu permainan pada masa akan datang. Justeru, BNA kerap menyertai kejohanan-kejohanan pada peringkat serantau dan antarabangsa. Antara

kejohanan-kejohanan yang disertai termasuk Kejohanan Bola Jaring Asia (Asian Netball Championship) pada tahun 2013, 2016, 2018 dan Kejohanan Bola Jaring ARAFURA, 2019 di Darwin, Australia.

Aktiviti
Bagi memberi peluang kepada pemain-pemain remaja untuk meningkatkan kemahiran dan mengembangkan kefahaman sukan bola jaring dan mendedahkan dengan peraturan serta undang-undang permainan bola jaring, BNA sering mengadakan Kem Bola Jaring yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkihah, Berakas, setiap cuti persekolahan.

Bagi kanak-kanak perempuan dan remaja yang berminat untuk mengikuti kem ini, bolehlah terus datang ke Dewan Serbaguna itu pada masa kem tersebut berlangsung.

Segala maklumat terkini mengenai bola jaring ataupun persatuan ini bolehlah dilayari melalui laman Instagram @bruneinetballofficial.



Sukan

INFO SUKAN

BRAZILIAN Football Academy (BFA) akan mengadakan Kem Bola Sepak pada 7 - 10 Disember 2020 dari 8.00 pagi hingga 11.00 pagi. Untuk keterangan lanjut boleh mengklik pautan www.igli.me/bfabrunei atau WhatsApp +673 8344976. Yuran pendaftaran sebanyak BND130 bagi setiap penyertaan.
BFA merupakan akademi yang mengajar bola sepak Brazil kepada kanak-kanak lelaki berumur 5 - 18 tahun.



ePaper Pelita Brunei

Pendaftaran masih dibukakan

**KEJOHANAN BADMINTON SHUTTLE TIME BRUNEI
REMAJA DI BAWAH 13 TAHUN
BAGI DAERAH-DAERAH**

**ANJURAN
PERSATUAN BADMINTON KEBANGSAAN BRUNEI
DENGAN KERJASAMA
JABATAN BELIA DAN SUKAN**

SHUTTLE TIME BRUNEI

**Acara
Bergu Lelaki
Bergu Perempuan
(Lahir pada tahun 2007 ke-Atas)**

PEMENANG AKAN MENERIMA:
 - \$120 dan Medali
 - \$100 dan Medali
 - \$80 dan Medali

DAERAH BRUNEI DAN MUARA	DAERAH BELAIT	DAERAH TEMBURONG	DAERAH TUTONG
Tempat: Kompleks Sukan Muara Tarikh: 28-30 November 2020 Waktu: 9-08 (November 2020)	Tempat: Dewan Badminton Gudang Beras Tarikh: 28-30 November 2020 Waktu: 0-10 (Disember 2020)	Tempat: Dewan Badminton Kompleks Sukan Temburong Tarikh: 28-30 November 2020 Waktu: 0-6 (Disember 2020)	Tempat: Kompleks Sukan Tutong Tarikh: 28-30 November 2020 Waktu: 1-7 (Disember 2020)

**Siaran Akhbar dan Infografik :
Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam**

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penganjuran Kejohanan Badminton Shuttle Time Brunei Remaja di bawah 13 tahun bagi daerah-daerah di mana pendaftaran untuk mengikuti kejohanan tersebut masih dibukakan.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, borang boleh didapati di Spotech Marketing, Kiarong dan dikembalikan sebelum atau pada 28 November 2020. Perlawanan akan berlangsung pada 7 hingga 12 Disember 2020 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (MPH).

Bagi Daerah Belait, borang boleh diperoleh di Dewan Badminton Gudang Beras dan perlawanan akan berlangsung pada 8 hingga 15 Disember, di tempat yang sama.

Manakala bagi Daerah Temburong, peserta boleh mengunjungi Pejabat Daerah Temburong untuk mendapatkan borang dan kejohanan akan bermula pada 1 hingga 5 Disember, di Dewan Belalong, Temburong.

Untuk penyertaan dari Daerah Tutong, borang boleh didapati di Kompleks Sukan Tutong, di mana perlawanan akan berlangsung pada 1 hingga 6 Disember nanti. Tarikh mengemalakan borang untuk Daerah Belait, Temburong dan Tutong ialah Jumaat, 20 November ini.

PBKBD mengalu-alukan penyertaan remaja di keempat - empat daerah dalam kejohanan, ini sesuai dengan misi PBKBD untuk menggalakkan penyertaan dalam sukan badminton sebagai sukan untuk kehidupan dan perkembangan atlet, jurulatih dan kepegawaian serta menghasilkan lebih banyak pemain untuk bersaing dalam peringkat kejohanan badminton antarabangsa.

JPMC anjur Zumba bersama PEKERTI

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Jumaat, 13 November. - Dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran khususnya dalam mengamalkan gaya hidup sihat, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengadakan aktiviti Zumba bersama dengan Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Aktiviti Zumba tersebut disertai oleh Ahli-ahli PEKERTI yang diketuai oleh Pengerusi PEKERTI bagi Cawangan 'E', Dayang Siti Hawa binti Haji Ibrahim. Dalam sama-sama memberikan sokongan terhadap aktiviti tersebut, Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi JPMC, Dr. Siti Khadijah binti Ismail juga ikut serta memeriahkan aktiviti.

Aktiviti dimulakan dengan sesi bergambar ramai bersama dengan

Dayang Siti Hawa dan Ahli-ahli PEKERTI serta kakitangan JPMC.

Dengan mempraktikkan gaya hidup sihat, ia juga akan dapat memberikan penjagaan yang baik khususnya terhadap kesihatan sendiri, meningkatkan kesihatan mental dan berupaya untuk meningkatkan peluang mencegah pelbagai penyakit.

Aktiviti Zumba merupakan cara terbaik untuk merangsang kesihatan awda serta mampu memberikan kesihatan tubuh badan yang menyeluruh dan memanjangkan lagi usia.

Diadakan di Dewan Senamrobik JPMC, aktiviti Zumba tersebut diketuai oleh JPMC Fitness Centre, tenaga pengajar berkelayakan, Maryamnazeeya Abdullah.



AKTIVITI Zumba tersebut disertai oleh Ahli-ahli PEKERTI yang diketuai oleh Pengerusi PEKERTI bagi Cawangan 'E', Dayang Siti Hawa binti Haji Ibrahim.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMANFAATKAN SUMBER BUMI MELALUI PERTANIAN

دتریبیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنديرین برحد، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam